



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

Jilid III

Bil. 20

Hari Rabu

22hb Disember, 1993

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-DNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1994

(Ruangan 38)

DN.22.12.93

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 22hb Disember, 1993

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D0A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

DEPOT MINYAK - RISIKO LETUPAN DI PELABUHAN KELANG

1. **Datin Hajah Wan Intan binti Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penduduk-penduduk di sekitar Port Kelang kurang senang dengan adanya sebegitu banyak depot minyak di kawasan mereka, dan memandangkan risiko letupan dan kebakaran secara besar-besaran boleh berlaku dan mengorban ratusan nyawa rakyat yang tidak berdosa, sama ada Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan jangka pendek atau jangka panjang untuk memindah depot-depot minyak kepunyaan berbagai syarikat minyak yang terdapat di Port Kelang ke tempat-tempat yang lebih selamat, misalnya di pulau-pulau yang berhampiran. Jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pada masa ini terdapat lima buah depot simpanan minyak di Pelabuhan Kelang.

Penstoran dan pengendalian bahan-bahan petroleum memerlukan lesen daripada Pihak Berkuasa Tempatan yang diberi kuasa di bawah Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984, dan surat kuasa untuk menyimpan bahan petroleum yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Sebelum sesuatu lesen diluluskan, Pihak Berkuasa Tempatan mendapatkan pandangan daripada Pejabat Tanah, Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Jabatan Alam Sekitar untuk menentukan premis berkenaan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Oleh itu, pembinaan depot-depot simpanan minyak di Pelabuhan Kelang adalah memenuhi syarat yang dikenakan, termasuk syarat-syarat mengenai keselamatan.

Dengan demikian, persoalan untuk memindahkan depot-depot simpanan minyak berkenaan ke suatu tempat khas belum timbul pada masa ini memandangkan undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada mencukupi untuk menentukan aspek-aspek keselamatan sentiasa dipatuhi bagi mengelakkan kemalangan.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah satu tempat yang telah diluluskan dan mempunyai surat kuasa yang telah diberi kepada yang berkenaan, satu tinjauan dibuat kepada pemimpin-pemimpin tempatan supaya bila timbul permasalahan-permasalahan seperti yang dikemukakan dalam Dewan ini pihak-pihak yang berkenaan akan dapat memberi kerjasama dalam mengatasi permasalahan?

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa terang dengan maksud soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Akan tetapi jikalau persoalan ditumpukan kepada apakah pihak Kerajaan sekarang sedang berusaha untuk mengatasi masalah yang timbul dari industri-industri yang berbahaya; maka saya boleh memberitahu kepada Dewan yang mulia ini secara am iaitu satu

Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Industri Berbahaya pun sedang ditubuhkan untuk meneliti dari segala aspek termasuklah aspek-aspek keselamatan dan kesesuaian untuk alam persekitaran yang ada berkaitan dengan industri-industri atau kilang-kilang yang berbahaya termasuklah industri petroleum. Jadi, perkara yang mungkin dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat akan diteliti oleh Majlis ini.

KENAIKAN YEN JEPUN - KERUGIAN PERTUKARAN ASING

2. **Tuan Tiong Thai King** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) memandangkan hutang Negara meningkat 11.7% kepada RM47.192 juta pada tahun 1993, kerana disebabkan antara lain, kerugian pertukaran asing akibat kenaikan nilai Yen berbanding dengan Ringgit, adakah Kerajaan berunding dengan Kerajaan Jepun untuk mendapat potongan dalam bayaran balik pinjaman jangka panjang atau pinjaman projek luar negeri; dan
- (b) kerana kenaikan nilai Yen berbanding dengan Ringgit, berapa jumlah Ringgit kira-kira Kerajaan kita rugi dalam bayaran balik pinjaman tersebut tahun ini dan tahun depan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Baki pinjaman luar negeri yang meliputi hutang Kerajaan Persekutuan, sektor swasta dan hutang yang dijamin oleh Kerajaan pada tahun 1992 dan 1993 adalah masing-masing sebanyak RM42.7 ribu juta dan RM47.2 ribu juta. Penambahan ini disebabkan oleh peningkatan dalam jumlah pinjaman yang dibuat oleh Perusahaan Awam Bukan Kewangan serta sektor swasta dan juga kesan daripada kenaikan nilai matawang Yen berbanding dengan Ringgit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak berunding dengan Kerajaan Jepun untuk mendapat potongan dalam bayaran balik pinjaman yang sedia ada. Bagaimanapun, Kerajaan ada berunding dengan pihak Jepun untuk mendapatkan lebih banyak lagi kemudahan daripada pinjaman-pinjaman OECF kerana pinjaman-pinjaman ini mempunyai tempoh matang yang panjang iaitu 25 tahun dan pengeluaran pinjamannya adalah lebih pantas serta kadar faedah yang amat menarik iaitu sebanyak 2.9% setahun berbanding dengan kadar pinjaman Yen yang lain dalam lingkungan 6% setahun. Hasil daripada rundingan ini Kerajaan Jepun telah bersetuju untuk terus memberi apa yang dipanggil "sector loans" kepada Malaysia bagi membiayai projek pembasmian kemiskinan.

Memandang pendedahan hutang dalam matawang Yen masih tinggi iaitu dalam lingkungan 33%, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah sejak tahun 1987 dalam usaha untuk mengurangkan beban hutang luar negeri terutamanya dalam matawang Yen.

Di antara langkah-langkah ini, termasuklah pembayaran balik awal pinjaman, pembiayaan semula pinjaman Yen dalam matawang lain, mengurangkan pengambilan pinjaman baru dalam matawang Yen dan memasuki beberapa transaksi "currency swap" bagi pinjaman dalam matawang Yen.

Pinjaman sebanyak 3.8 bilion Yen telah dibayar balik awal sejak tahun 1987 dan sebanyak 3.8 bilion Yen lagi telah dibiayai semula dalam tempoh yang sama.

- (b) Bermula awal tahun 1993, nilai Ringgit berbanding Yen telah susut sebanyak 10.9% iaitu dari paras RM2.006 = 100 Yen pada akhir tahun lalu kepada RM2.356 = 100 Yen pada akhir November 1993. Berikutan itu, jumlah bayaran khidmat hutang negara iaitu bayaran balik pokok dan faedah dalam matawang Yen telah meningkat. Bagi tahun 1993, peningkatannya dianggarkan sebanyak RM256 juta, iaitu kenaikan sebanyak 12.2% daripada RM2,096 juta kepada RM2,352 juta. Jika kadar pertukaran ini berada pada tahap yang sama pada tahun hadapan, jumlah peningkatannya berbanding dengan tahun 1993 dianggarkan sebanyak 12%.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah sebab-sebabnya masalah yang berleluasa dalam tempoh 1970an, iaitu peningkatan dalam pinjaman oleh agensi-agensi

di luar belanjawan masih berkekalan sehingga sekarang sehingga memerlukan OBA ini terus menaikkan pinjaman mereka?

Tuan Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku akhir-akhir ini ialah terdapat pembesaran operasi beberapa perusahaan awam bukan kewangan, umpamanya syarikat-syarikat Kerajaan seperti HICOM dan Perwaja memandangkan pasaran yang baik, bukan sahaja dalam negeri, tetapi juga di luar negeri, maka badan-badan tersebut telah mengambil keputusan untuk membesarkan operasi mereka.

Hasil daripada cadangan tersebut, maka badan-badan berkenaan memerlukan sumber pembiayaan yang lebih. Oleh kerana sumber-sumber dalam negeri tidak boleh memenuhi sepenuhnya sumber-sumber pembiayaan, maka terpaksa perusahaan-perusahaan awam badan kewangan meminjam daripada sumber-sumber luar negeri. Dalam pada **itu**, kita ingin menekankan bahawa keutamaan ialah untuk meminjam daripada dalam negeri. Sekiranya sumber-sumber dalam negeri tidak mencukupi, maka badan-badan berkenaan akan ke luar negeri untuk memperolehi sumber pembiayaan.

MAS - SEKTOR KUALA LUMPUR-KUALA TERENGGANU

3. **Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Penerbangan Malaysia (MAS) akan menambah kekerapan penerbangan dari Kuala Lumpur-Kuala Terengganu memandangkan keperluan sekarang dan masa akan datang, jika tidak apakah sebabnya.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, Penerbangan Malaysia atau MAS sememangnya bercadang menambahkan penerbangannya di sektor Kuala Lumpur-Kuala Terengganu.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini MAS sedang mengendalikan 15 perkhidmatannya seminggu bagi laluan tersebut, di mana mulai bulan Februari 1994, MAS akan menambah dua lagi perkhidmatan, menjadikan 17 perkhidmatan seminggu dan mulai 27 Mac 1994, MAS akan menambah perkhidmatannya ke Kuala Terengganu kepada 18 kali seminggu.

Suka saya memberi jaminan di Dewan yang mulia ini bahawa MAS akan terus mengawasi permintaan dan jika keadaan memerlukan, perkhidmatan di sektor Kuala Lumpur-Kuala Terengganu akan ditambah lagi di masa-masa akan datang.

RUMAH KOS RENDAH - KELEWATAN KELULUSAN

4. **Tuan K. Munisamy** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) adakah benar alasan pemaju-pemaju perumahan yang mengatakan kelewatan dalam pemberian kelulusan kepada pembinaan rumah-rumah kos rendah telah menjejaskan rancangan pembinaan rumah-rumah kos rendah dalam Rancangan Malaysia Yang Kelima dan Keenam. Jika alasan tersebut itu betul, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut;
- (b) bilakah cadangan Kerajaan untuk menubuhkan Bank Perumahan Kos Rendah akan dilaksanakan; dan
- (c) apakah tindakan yang telah diambil terhadap pihak yang membeli rumah kos rendah dan menjual dengan harga yang tinggi.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dari segi pengeluaran lesen pemaju perumahan, sekiranya pemaju memenuhi semua syarat dan mengemuka-

kan permohonan yang lengkap, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh mengeluarkan lesen dalam tempoh lebih kurang satu bulan daripada tarikh memohon. Dengan itu, adalah tidak benar alasan yang mengatakan kelewatan dari segi pengeluaran lesen pemaju perumahan telah menjejaskan rancangan pembinaan rumah-rumah kos rendah dalam Rancangan-Malaysia Kelima dan Keenam. Mungkin yang dimaksudkan ialah kelewatan kelulusan tanah yang merupakan kuasa Kerajaan Negeri semata-mata.

- (b) Cadangan penubuhan sebuah Bank. Perumahan masih dalam proses kajian oleh Bank Negara Malaysia. Memandangkan bahawa cadangan ini melibatkan penyelesaian pelbagai isu termasuk isu-isu perundangan, maka ianya perlu diteliti dengan lebih mendalam terlebih dahulu dan ini memerlukan masa. Sementara menunggu mewujudkan Bank Perumahan yang dianggap sebagai langkah jangka panjang, Kerajaan sedang memberi tumpuan kepada pelaksanaan Tabung Perumahan bagi membina rumah kos rendah bernilai RM1.404 bilion yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan 1994 baru-baru ini.
- (c) Untuk makluman Dewan yang mulia ini undang-undang yang ditadbirkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak bertujuan menghalang pembeli

rumah murah menjualnya semula dengan harga yang tinggi. Maka Kementerian ini tidak boleh mengambil apa-apa tindakan.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sedar akan masalah perumahan kos rendah yang dibangunkan di bandar-bandar kerana harga tanahnya yang begitu mahal, maka terpaksa diperuntukkan rumah kos rendah berharga RM25,000, tetapi ini telah disalahgunakan. Saya setuju bahawa tidak ada undang-undang untuk menentukan supaya rumah-rumah ini tidak boleh dijual. Itu sebabnya rumah kos rendah yang dibangunkan di bandar-bandar mempunyai masalah di mana mudah bertukar tangan apabila sudah ada yang sanggup membelinya dengan harga yang lebih tinggi, sedangkan rancangan ini adalah cross-subsidi Kerajaan yang mensyaratkan pemaju-pemaju memperuntukkan rumah-rumah kos rendah ini untuk menampung orang yang berpendapatan rendah.

Jadi, apakah Kementerian bercadang, bagi mengelakkan ramai di kalangan orang-orang yang membeli rumah kos rendah ini, mengambil keuntungan yang cepat, supaya diadakan satu undang-undang agar semua rumah kos rendah yang dibina di atas tapak tanah yang mahal ini dikenakan 100% tax ataupun mengelakkan pembeli-pembeli ini mengaut keuntungan yang cepat, kerana ini sudah menjadi satu masalah yang rumit pada masa sekarang?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju sangat di atas pandangan Yang Berhormat tadi. Juga sebagai tambahan, mungkin oleh kerana rumah adalah sebahagian daripada hartanah, Kerajaan Negeri boleh mengenakan syarat penjualan semula

harta ini jika dirasakan sesuai; kalau Kerajaan Negeri mahu, boleh mengenakan syarat di Surat Hakmilik Tanah bahawa rumah ini tidak boleh dijual sehingga satu tempoh masa yang ditetapkan. Itu dibolehkan. Tetapi oleh kerana tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, maka Kerajaan Negeri sahajalah yang boleh mengenakan syarat ini.

Kedua, peruntukan untuk mengagih-agihkan rumah murah ini adalah juga di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Maka, sesuaiilah jika Kerajaan Negeri mengambil tindakan tentang perlunya penjualan semula rumah murah ini dikawal supaya hanya mereka yang benar-benar memerlukan rumah murah sahajalah yang akan diberi pertimbangan untuk menduduki rumah murah.

Tuan Chong Chi Siong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak bertanya kepada Kementerian, apakah strategi yang diambil dalam tahun 1994 untuk membantu pemaju-pemaju untuk membina lebih banyak rumah kos rendah?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, langkah pertama; Kerajaan telah memperuntukkan wang sebanyak RM300 juta untuk pembinaan rumah kos rendah. Mereka yang berminat boleh mendapatkan pinjaman daripada bank-bank dengan interest yang paling murah iaitu 2% setahun. Selain daripada itu, Kerajaan juga menggalakkan pembinaan rumah murah ini dengan tidak akan mengenakan bayaran sukat tanah dan stamp duty juga ditiadakan bagi mereka yang berminat untuk membina rumah kos rendah ini. Selain daripada itu juga, pelan-pelan perumahan untuk rumah kos rendah akan diberi keutamaan dengan erti kata proses untuk mendapatkan kelulusan pelan-pelan untuk rumah kos rendah akan lebih cepat daripada pembangunan rumah-rumah biasa.

Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar: Adakah pihak Kerajaan ataupun Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedar bahawa ada orang-orang yang mempunyai wang membeli rumah-rumah kos rendah ini dan selepas itu menjadikannya suatu perniagaan dengan cara menjual balik kepada orang-orang yang pada masa yang sepatutnya dibayarkan cagaran untuk rumah kos rendah itu tidak mempunyai wang. Tetapi orang ini mengambil kesempatan apabila orang-orang yang memerlukan rumah kos rendah ini mempunyai wang untuk membeli rumah kos rendah ini.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, banyak dakwaan seperti ini yang kita telah dengar tetapi tidak ada laporan yang dibuat sama ada kepada Kerajaan Negeri mahupun kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membolehkan kita mengambil sesuatu tindakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa senarai nama-nama mereka yang bakal dipertimbangkan untuk mendapatkan rumah murah akan dipamerkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau Kerajaan Negeri untuk orang awam membuat bantahan jika sekiranya didapati di antara senarai-senarai itu terdapat orang-orang yang tidak seharusnya disenaraikan di dalam nama-nama yang bakal dipertimbangkan untuk mendapatkan rumah kos rendah .

Jadi, kita memerlukan kerjasama daripada semua pihak supaya memberi laporan kepada jawatankuasa sama ada peringkat negeri ataupun terus kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya tindakan boleh diambil sebelum peruntukan rumah murah ini dibuat untuk mengelakkan berlakunya penipuan untuk memberi rumah kepada mereka yang tidak seharusnya mendapat rumah murah.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.Saya ingin mendapat penjelasan yang tepat sama ada rumah kos rendah yang di bawah kelolaan Kerajaan Negeri boleh dijual beli sebelum tamat pembayaran yang sebenar?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada syarat yang dikenakan atau yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri, maka sudah tentulah pindah hakmilik boleh dijalankan dan ini bererti penjualan rumah murah boleh

dilakukan. Tetapi mungkin ada Kerajaan-kerajaan Negeri yang mensyaratkan bahawa pemindahan hakmilik ini tidak boleh dilakukan dalam tempoh beberapa tahun dan kalau ini dibuat dan jika sekiranya ada juga usaha-usaha mahu memindah hakmilik rumah ini maka sudah tentulah ianya bertentangan dengan hasrat Kerajaan dan jika sekiranya ada usaha untuk memindah hakmilik ini, maka sudah tentulah ini adalah satu kesalahan dan sesiapa yang membuat kesalahan boleh diambil tindakan oleh Kerajaan Negeri dengan mengambil balik rumah murah itu untuk diberikan kepada mereka yang sepatutnya mendapat peruntukan rumah murah tersebut.

KELAS PENDIDIKAN KHAS UNTUK KANAK-KANAK BERMASALAH PEMBELAJARAN

5. **Dato' K. Vijayanathan** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membuka Kelas Pendidikan Khas bagi semua kanak-kanak bermasalah pembelajaran di sekolah-sekolah biasa. Di samping itu, apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk melatih guru-guru yang mempunyai kemahiran khusus untuk mendidik kanak-kanak bermasalah pembelajaran.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael

Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah mula mengadakan kelas-kelas pendidikan khas di sekolah-sekolah biasa sejak tahun 1988 di Wilayah Persekutuan dan Selangor.

Pada masa ini terdapat 94 buah sekolah di seluruh negara yang menganjurkan kelas-kelas pendidikan khas bermasalah pembelajaran dan menampung seramai 1,894 orang pelajar. Pengambilan guru pelatih sentiasa mengambil kira keperluan pengajaran pelajar-pelajar ini.

TELEFON BERGERAK ART 900 DAN ATUR 450 - KUALITI PERKHIDMATAN

6. **Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk memastikan syarikat swasta yang mengendalikan Sistem ART 900, ATUR 450 tidak menerima pelanggan yang berlebihan daripada kapasiti kelengkapan mereka sehingga pelanggan tidak mendapat perkhidmatan yang berpatutan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Hohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi teknikal pengusaha-pengusaha telefon bergerak ART 900 dan ATUR 450 tidak boleh menerima pelanggan melebihi kapasiti kelengkapan sistemnya. Walau bagaimanapun kualiti perkhidmatan adalah bergantung kepada:-

- (i) muatan saluran radio termasuk Radio Base Station; dan
- (ii) sambungan yang cukup di antara sistem telefon bergerak dan rangkaian, dengan izin, Public Switch Telephone Network (PSTN)

Pengusaha-pengusaha telah diarah supaya mengkaji dan menambahkan saluran radio dan sambungan di antara sistem bergerak dan rangkaian PSTN untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan.

GRADUAN MENGGUGUR - BANTUAN MENDAPATKAN PEKERJAAN

Tuan Haji Dol. bin Dollah minta Perdana Menteri menyatakan bilangan graduan yang menganggur dalam negara ini setakat bulan Disember 1993 dan apakah bantuan yang Kerajaan beri kepada mereka untuk mendapatkan pekerjaan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai rekod mengenai kedudukan bilangan penganggur di kalangan graduan-graduan, baik untuk calon persendirian ataupun bagi calon-calon yang ditaja oleh Kerajaan. Angka ini tidak diketahui kerana graduan-graduan persendirian tidak perlu melaporkan diri kepada mana-mana agensi Kerajaan selepas menamatkan pengajian dan terpulanglah kepada mereka untuk memohon jawatan, sama ada dengan sektor swasta ataupun sektor awam.

Bagi graduan-graduan yang ditaja oleh Kerajaan untuk tahun 1993, sejumlah 8,183 orang dijangka akan menamatkan pelajaran. Walaupun mereka dikehendaki melaporkan diri, tiada jaminan mereka akan diambil bekerja dengan Kerajaan. Sekiranya dalam tempoh 6 bulan selepas melaporkan diri, pihak Kerajaan tidak mengambil mereka berkhidmat, mereka adalah bebas untuk memilih pekerjaan sendiri. Memandangkan keadaan ekonomi negara yang begitu baik sekarang dan kedudukan pasaran buruh very tight, dengan izin, Kerajaan percaya graduan-graduan ini mampu mencari pekerjaan sendiri dan tidak memerlukan bantuan.

PADANG GOLF - KESAN KEPADA ALAM SEKITAR

8. **Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa Malaysia mempunyai terlalu banyak padang golf dan ini banyak merosakkan alam sekitar.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang sedar bahawa Malaysia mempunyai banyak padang golf. Pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa Malaysia mempunyai terlalu banyak padang golf tidak dapat disahkan kerana tiada perbandingan dibuat dengan negara-negara lain.

Pembangunan padang golf memang boleh menimbulkan kesan kepada alam, sekitar sekiranya langkah-langkah tebatan dan kawalan pencemaran tidak dilaksanakan dengan sempurna. Pembinaan padang golf adalah tertakluk kepada Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan memerlukan laporan EIA, sekiranya padang golf tersebut merupakan salah satu komponen pembangunan seperti projek perumahan, kawasan perindustrian atau projek peranginan dan rekreasi.

Jabatan Alam Sekitar mengenakan syarat-syarat yang ketat supaya kesan negatif kepada alam sekitar dikurangkan ke tahap yang boleh diterima oleh orang ramai serta mematuhi standard-standard kualiti alam sekitar yang diterimapakai.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Saya ingin tahu, sekarang ini berapa banyakkah padang golf dalam rancangan. di Malaysia ini yang telah diluluskan dan yang menunggu untuk diluluskan?

Pada pandangan Kementerian negara sekecil Malaysia ini berapakah maksimum padang golf yang patut diadakan sama ada 200, 400 atau 600 padang golf? Itu soalan yang kedua;

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soalan yang rumit untuk dijawab. Pada masa sekarang tidak ada satu kajian untuk menentukan berapa banyakkah padang golf ini patut dibina. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini 77 permohonan pembinaan padang golf telah diterima oleh Jabatan Alam Sekitar dan sebenarnya 67 telah diluluskan pembinaannya dan 2 di tolak manakala 8 masih lagi ditimbang. Ini bermakna, bukannya kita ada beribu-ribu permohonan. Setakat ini kita hanya ada menerima 77 permohonan. Walau bagaimanapun, pembinaan padang golf ini tertakluk kepada 'demand and supply forces', dengan izin. Kalau kita sampai ke tahap yang banyak, maka pada masa itu tentulah susah juga untuk menarik ahli-ahli masuk dalam kelab golf itu. Oleh sebab itu, saya rasa pemaju itu pun rasa tidak minat atau projek itu tidak dapat menguntungkan mereka, oleh sebab itu maka mereka akan berhentikan usaha ini.

Dr Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa setengah projek-projek padang golf memerlukan kajian EIA. Saya ingin tahu adakah di antara projek-projek ini yang walaupun telah dijalankan kajian EIA, sepatutnya tidak diluluskan, namun demikian masih diteruskan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang hanya dua permohonan yang ditolak, iaitu pihak EIA tidak luluskan. Ini adalah dengan kerana alasan seperti tidak selaras dengan rancangan struktur Majlis Perbandaran dan sebagainya. Ada juga yang tidak menghantarkan laporan baru EIA apabila laporan lama EIA itu ditolak. Saya rasa buat masa sekarang di antara dua projek ini yang ditolak, projek tersebut tidak dijalankan setakat ini apa yang kita ketahui. Dua projek ini masih digantung dan tidak diusahakan lagi.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bersetuju jugalah membina padang golf akan mencemarkan alam sekitar. Jadi, saya hendak bertanya di mana padang golf, itu sama ada dalam negeri atau luar negeri. Berilah satu contoh yang mencemarkan alam sekitar dan ke tahap raana seriusnya?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya Ahli Yang Berhormat, tentang pencemaran iaitu kalau kita tidak mengikuti cara yang baik, seperti kita gunakan baja yang ada unsur

chemical dan tidak akan break down with time , dengan izin. Dan juga apabila kita membuat padang golf ini kita tidak menggunakan cara engineering yang baik seperti tidak membina kolam perangkap mendap atau lain-lain 'engineering features' dengan izin, seperti ini, maka padang golf itu akan mencemarkan sungai atau air yang mengalir daripada padang golf itu .ke kawasan yang lain.

Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan . Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ada terlalu banyak padang; golf di dalam negara dan selepas itu ada juga permohonan sebanyak 77 dan hanya 2 yang ditolak. .Mengapa tidak ditolak kesemuanya kalau sekiranya ia juga mencemarkan alam sekitar dan juga terlalu banyak padang golf yang diadakan di negara ini?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah sesuatu usaha. pembinaan padang golf itu akan mencemarkan alam sekitar sekiranya masa pembinaan itu tidak merigikuti cara-cara yang baik. Ini bermakna bukan semua usaha. pembinaan padang golf akan mencemarkan kawasan alam sekitar, malah ada padang-padang golf yang ada 'features' yang baik yang boleh mengindahkannya kawasan itu. Itu juga baik dari segi keindahan alam'sekitar kawasan itu'dan tempat itu juga boleh dikatakan sebagai satu tempat tarikan pelancong sebab saya rasa pelancong-pelancong yang datang ke negara ini pun minat .juga bermain golf.. Jadi, kalau-.kita tolak semua usaha ini , ini juga tidak baik dari segi ekonomi dan sebagainya.

STESEN RADIO 3 - MENGADAKAN -SIARAN RADIO KEMBAR.

9. Tuan Hanipah bin Ahmad minta Menteri Penerangan menyatakan adakah pada hemat Kerajaan Malaysia demi menjayakan konsep Segi Tiga Wilayah Utara (Malaysia, Selatan Thailand, Sumatera (Indonesia) bercadang mengadakan hubungan Siaran Radio Kembar antara Stesen Radio 3 Negeri-negeri Utara Semenanjung dengan Stesen Radio 5 Wilayah Selatan, Thailand.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua selaras dengan hasrat yang dimaksudkan dan tujuan untuk mempertingkatkan kesefahaman antara rakyat di nusantara ini, Kementerian Penerangan secara pro-aktif telah bersetuju agar Radio 3 Pulau Pinang dikembarkan dengan Stesen Radio di Medan, Republik Indonesia. Ini akan dilaksanakan tidak berapa lama lagi. Buat masa ini projek yang sama di antara sesebuah stesen radio tempatan akan dikembarkan dengan sebuah stesen radio di Selatan Thai dan perkara ini adalah sedang dalam pertimbangan.

KERETA SEWA HARAM - MENGAWAL SYARIKAT

10. Puan Hajah Rabaiah binti Baheran minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah Kementerian dalam menyekat dan mengawal syarikat kereta sewa haram. Apakah hak-hak pengguna dalam penyewaan kereta ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, langkah untuk menyekat dan mengawal operasi syarikat kereta sewa haram adalah melalui tindakan penguatkuasaan. Para pengguna yang menyewa kereta daripada syarikat berkenaan adalah terdedah kepada risiko yang tinggi, seperti tidak dilindungi oleh sebarang perlihdungan insurans dan kereta-kereta tersebut mungkin tidak diselenggarakan dengan baik.

BALAK - JUMLAH KERUGIAN AKIBAT KECURIAN

11. Tuan Saad bin Haji Man minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa ramaikah pembalak-perabalak yang mencuri balak-balak di hutan simpan Kerajaan Negeri-negeri dan berapakah jumlah wang yang dianggarkan kerugian oleh Kerajaan melalui hasil cukai balak.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan September 1993 bilangan kes kecurian balak di dalam hutan simpanan yang dikesan mengikut negeri-negeri di Semenanjung Malaysia bagi tempoh 5 tahun (1988 hingga September 1993) adalah berjumlah 1,406 kes. Hampir kesemua kes ini telah dikompaun kesalahannya dan dibayar denda dan gantirugi yang telah dikutip berjumlah RM39,631,245.76.

Yang kedua, bagi negeri Sabah bilangan sebenar pembalak-pembalak yang mencuri balak di hutan simpan tidak dapat ditentukan. Bagaimanapun, mengikut rekod yang sedia ada bilangan kes secara keseluruhan, kesalahan hutan yang telah dikesan bagi tempoh 5 tahun (1988 hingga Jun 1993) adalah berjumlah 644 kes.

Di negeri Sabah tidak ada kerugian kepada Kerajaan akibat daripada kegiatan ini kerana royalti bagi semua balak-balak yang terlibat akhirnya dapat dipungut.

Di negeri Sarawak pula pada keseluruhannya tidak menghadapi masalah besar kecurian balak. Kes-kes yang dilaporkan hanya tertumpu kepada kecurian balak oleh seseorang penegang lesen di kawasan lesen yang lain, yang lazimnya dapat diselesaikan melalui timbangtara oleh Jabatan Perhutanan.

Tuan John B.O.T. Ghani: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan di negeri Sabah banyak pencuri-pencuri balak, dan apakah sebabnya perkara-perkara ini tidak dapat dikesan; adakah kurang kepakaran di negeri itu sendiri?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Sabah diperintah oleh Kerajaan yang agak berasingan, jadi segala perangkaan-perangkaan yang sebenarnya tidak dapat dikutip dengan secara detail. Itulah masalah yang ada. Walau bagaimanapun, secara kasar kes sahaja yang dapat dipungut iaitu 644 kes yang lain itu, saya rasa merupakan rahsia Kerajaan Negeri.

PERSIDANGAN KOMANWEL DI CYPRUS :: FAEDAH:EKONOMI DAN DIPLOMATIK

12. Datuk David Yeoh Eng Hock minta Menteri Luar Negeri menyatakan faedah-faedah dari segi ekonomi dan diplomatik yang diperolehi dari penyertaan Malaysia yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di- Persidangan Komanwel di Cyprus pada 21. hingga 25 Oktober, 1993,

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah memperolehi beberapa faedah dari penyertaan kita dalam Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM).

Dari segi ekonomi Ketua-ketua Kerajaan mengambil perhatian akan keadaan ekonomi dunia dan bersetuju untuk bekerjasama bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara anggota seperti pengaliran keluar kewangan, beban hutang dan perlindungan pasaran, dengan izin, protectionism supaya negara-negara anggota dapat meningkatkan pembangunan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi.

Ketua-ketua Kerajaan juga telah membincangkan isu-isu berkaitan dengan perundingan, perdagangan pelbagai hala pusingan Uruguay dan mengeluarkan Kenyataan Limassol Berkenaan Pusingan Uruguay yang mana mereka menegaskan semula komitmen mereka terhadap penyempurnaan pusingan itu.

Sehubungan dengan **ini**, sebuah Missi di peringkat Menteri telah

ditubuhkan untuk tujuan mengadakan perbincangan dan menyeru peserta-peserta utama dalam perundingan tersebut untuk mempercepatkan proses perundingan supaya ianya dapat dijayakan.

Penyempurnaan perundingan ini akan mewujudkan sistem perdagangan pelbagai hala yang lebih kukuh seimbang dan adil. Missi ini dianggotai oleh Menteri-menteri dari Barbados, Kanada, Ghana, Malaysia dan Mauritius yang telah, menjalankan tugasnya dengan berjaya. Missi ini telah menyumbang kepada penyempurnaan rundingan Pusingah Uruguay yang tamat pada 15hb- Disember baru-baru ini.

Di samping **itu**, Mesyuarat CHOGM di Cyprus juga telah membincangkan perkara-perkara - berkaitan dengan kerjasama Komanwel iaitu Tabung Kerjasama Teknikal Komanwel (CFTC), Sains dan Teknologi, Pelajaran, Pembangunan Sumber Manusia, Alam Sekitar, Perabangan Sosial, Hal-Ehwal Kanak-kanak, Belia dan Wanita. Malaysia telah mendapat manfaat dari bidang-bidang kerjasama Komanwel tersebut terutamanya dari Tabung Bersama Teknikal Koraanwel iaitu dari segi bantuan dan latihan teknikal.

Dari segi diplomatik pula, Malaysia juga telah memainkan peranan yang aktif dan dapat menjaga kepentingan negara serta merapatkan hubungan di antara Malaysia dengan negara-negara anggota yang lain. Kita telah berjaya menarik perhatian Komanwel terhadap isu Bosnia secara berkesan. Ketua-ketua Kerajaan Komanwel mengeluarkan teks dalam Kenyataan Rasmi yang mengutuk secara keras pencabulan hak asasi manusia termasuk dasar 'ethnic cleansing',

dengan izin sebagai suatu penghinaan terhadap perikemanusiaan dan menggesa amalan ini dihentikan dengan segera Kita juga telah memastikan yang teks dalam Kenyataan Rasmi berkenaan hak asasi manusia memberi tekanan bahawa demokrasi dari pembangunan adalah saling berkaitan

Di samping itu, semasa Mesyuarat CHOGM Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkesempatan mengadakan perbincangan dua hala dengan beberapa rakan sejawat beliau dan pertemuan-pertemuan ini telah dapat mempereratkan lagi hubungan dua hala di antara Malaysia dengan negara-negara tersebut.

KAMPUNG-KAMPONG BARU SEBAGAI-DAYA TARIKAH PELANCONG

13. Tuan Michael Bong Thiam Joon minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah untuk menjadikan Kampung-kampung Baru sebagai daya untuk menarik pelancong-pelancong datang ke negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kemeriterian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengenalpasti beberapa kampung tersebut yang mempunyai ciri- ciri keistimewaan masing-masing dan potensi untuk dijadikan sebagai destinasi pelancongan. Setakat ini perbincangan sedang diadakan dengan Kemeterian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan bagi menjayakan cadangan ini.

JALANRAYA SELURUH NEGARA - PERBELANJAAN MEMBAIKPULIH

14. Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin minta Menteri Kerja Raya menyatakan perbelanjaan yang berkaitan dengan membaik-pulih jalanraya-jalanraya di seluruh negara. Perbelanjaan ini mestilah meliputi jumlah yang dibelanjakan oleh Kerajaan dan pihak-pihak swasta seperti PLUS.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbelanjaan yang berkaitan dengan membaik-pulih jalan raya di seluruh negara yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keenam adalah seperti berikut:

- | | | |
|-------|---|----------------------|
| (i) | projek membaik-pulih dan membaiki jalan
di Semenanjung Malaysia. | - RM517.72 juta |
| (ii) | projek membaik-pulih ,dan membaiki jalan
di Sabah dan Sarawak | - RM79.60 juta |
| (iii) | membaik -pulih, dan turapan semula
Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak oleh
Lembaga Lebuhraya Malaysia | - RM 6.06 juta |
| | Jumlah | RM603.38 juta |

Di samping itu, kerja-kerja membaik-pulih turapan jalan mendapan dan pembaikan kecil bagi tahun 1993 bagi Lebu Raya Utara-Selatan oleh PLUS Sdn. Bhd ialah RM66.2 juta.

Tuan Ho Cheng Wang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri jumlah yang disebutkan oleh Yang Berhormat, adakah termasuk perbelanjaan untuk seluruh jalan di Genting Highlands atau jalan-jalan naik ke atas

Genting Highlands ialah Kerajaan atau jalan Genting Highlands sahaja?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya dimaklumkan iaitu jalan daripada kaki bukit sampai ke Genting Highlands itu adalah jalan swasta bukan jalan Kerajaan atau di bawah Kementerian Kerja-Raya.

Tuan Jangu Anak Banyang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin hendak tahu dalam jumlah RM79.6 juta untuk peruntukan Sabah dan Sarawak adakah Kementerian Kerja Raya mencadangkan membina jambatan melalui Sungai Rajang?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, jumlah RM79.6 juta itu cuma untuk membaik-pulih dan membaiki jalan di Sabah dan Sarawak.

Berkenaan dengan jambatan yang menyeberangi Sungai Rajang itu, ini adalah satu projek baru.

BURUH-BURUH ASING MELAKUKAN JENAYAH - TINDAKAN

15. Tuan Daji Zainal bin Md. Deros minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) berapa ramaikah buruh-buruh, yang sudah berdaftar hingga akhir bulan November, 1993;
- (b) dari manakah buruh-buruh ini datang;
- (c) berapa ramaikah yang sudah melahirkan anak di negara ini; dan
- (d) berapa ramaikah buruh-buruh yang datang dari negara asing yang telah melakukan jenayah dan apakah tindakan yang telah diambil setakat ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini adalah dalam bidangkuasa Kementerian saya maka Kementerian Dalam Negeri mengambil alih soalan ini

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Operasi pendaftaran pekerja asing tanpa izin (PATI) bermula dari 1hb Januari, 1992 hingga 30hb Jun, 1992. Dalam tempoh tersebut, seramai 44,4213 orang pekerja asing telah mendaftar di Jabatan Imigresen Malaysia.
- (b) kebanyakan pekerja asing ini adalah terdiri daripada warganegara Indonesia, Thailand, Bangladesh, Myanmar, India, Pakistan dan Filipina.
- (c) Kementerian ini tidak mempunyai rekod yang terperinci mengenai bilangan pekerja asing yang telah melahirkan anak di negara ini.
- (d) Sejak 6 bulan pertama tahun ini, seramai 1,335 pendatang asing telah ditangkap ataupun didakwa kerana terlibat dalam pelbagai jenayah

KAYU GETAH - KEJAYAAN 'TIMBER LATEX CLONE'

16. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar minta Menteri Perusahaan Utama raenytakan:

- (a) apakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa-Penyelidikan Kayu Getah dalam mengemudikan dan menyelaraskan penyelidikan dan kegiatan pembangunan bagi-menggalakkan penggunaan kayu getah dah .
- (b) setakat ini sejauh manakah kejayaan klon getah 'timber latex clone' dapat memenuhi keperluan kayu getah bergergaji dan menghasilkan kayu yang lebih bermutu.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bagi menyelaraskan aktiviti penyelidikan dah penggunaan kayu getah, Jawatankuasa Penyelidikan Kayu Getah telah menetapkan supaya keutamaan kegiatan penyelidikan ditumpukan kepada pemilihan klon pokok getah bagi penghasilan kayu dan lateks, meningkatkan tahap pemerosesan dan penggunaan serta memperluaskan pasaran bagi keluaran kayu berkenaan. Sehubungan dengan itu, dua seminar di peringkat kebangsaan dan satu di peringkat antarabangsa telah diadakan bagi menyebarkan hasil penyelidikan dan kemajuan penggunaan kayu getah kepada

pihak industri yang berminat untuk menceburi dalam bidang ini. Maklum-balas turut diperolehi dari pihak industri bagi mengetahui masalah penggunaan kayu getah dan penerimaan orang ramai terhadap keluaran barangan berasaskan kayu tersebut. Penyebaran maklumat teknikal, khidmat nasihat dalam bidang kawalan mutu dan pengeringan kayu telah diberikan kepada industri dan-pengusaha kayu getah.

- (b) Buat masa ini belum terdapat secara khusus klon getah yang dipanggil 'timber latex clone'. Walau bagaimanapun, terdapat 17 klon-klon sedia ada yang berpotensi menghasilkan kayu getah dan lateks. Klon-klon ini mempunyai potensi penghasilan kayu yang lebih baik berbanding dengan klon-klon sedia ada yang lain. Sebahagian dari klon-klon ini sudah pun ditanam dengan meluas oleh pekebun-pekebun. Beberapa kawasan projek R&D hutan getah juga telah dimulakan. Sambil itu penyelidikan untuk menemui klon getah yang mempunyai ciri pengeluaran kayu dan lateks yang lebih seimbang sedang diteruskan. Penyelidikan untuk menemui klon yang khusus untuk kayu juga sedang dimulakan. Usaha-usaha ini akan dapat membantu pengeluaran kayu-getah di masa hadapan.

JURURAWAT -JUMLAH KEPERLUAN

17. Tuan Ibrahim bin Daud minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa ramai jururawat- jururawat yang diambil dari negara asing dan dari negara mana;
- (b) berapa ramai jururawat tersebut diperlukah di negara ini ; dan
- (c) berapa keperluan sebenar jururawat-jururawat di seluruh negara setakat ini ;

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' K. Kumaran]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini jururawat terlatih dari negara asing yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia ialah seramai 126 orang yang terdiri dari 74 orang dari India, 24 orang dari Vietnam dan 28 orang dari Myanmar.
- (b) Saya tidak dapat menentukan berapa ramai jururawat terlatih asing yang diperlukan oleh negara. Perkara ini bergantung kepada beberapa faktor, iaitu pembangunan hospital-hospital oleh Kerajaan dan pihak swasta serta sejauh mana jawatan-jawatan jururawat terlatih yang diwujudkan oleh hospital-hospital yang telah siap dapat diisi oleh jururawat terlatih tempatan.
- (c) Keperluan sebenar jururawat-jururawat di seluruh negara khususnya oleh Kementerian Kesihatan Malaysia ialah seramai 17,053 dalam tahun 1993 dan 17,761 pada tahun 1994.

Tuan Yang di-Pertua izinkan saya untuk memberi sedikit keterangan -tentang kedudukan kekurangan jururawat dan juga pengambilan jururawat asing .Setakat ini Kementerian Kesihatan mempunyai 11 buah sekolah latihan jururawat di seluruh negara. Bilangan jururawat terlatih yang mampu dikeluarkan oleh sekolah-sekolah latihan tersebut pada setiap tahun ialah seramai 437 orang pada tahun 1990 354 orang pada tahun 1991 dan 521 orang pada tahun 1992

Selain daripada itu terdapat juga institusi-institusi latihan yang diiktiraf dan dikendalikan oleh agensi-agensi lain serta pihak swasta. Bilangan jururawat terlatih yang dapat dihasilkan oleh institusi-institusi latihan tersebut ialah seramai 176 orang pada tahun 1990 141 orang pada tahun 1991 dan 202 orang pada tahun 1992. Jumlah pengeluaran jururawat terlatih daripada sekolah-sekolah latihan Kementerian Kesihatan dan institusi-institusi latihan seperti di atas masih tidak dapat menampung keperluan jururawat di negara ini

Menjelang tahun 2020, Kementerian Kesihatan dijangka memerlukan seramai 2,000 orang jururawat terlatih. Oleh itu, langkah-langkah yang lebih positif sedang dirancang dan dilaksanakan bagi memperbanyakkan kemudahan-kemudahan. tempat latihan kepada calon-calon jururawat seperti memperbanyakkan sekolah latihan, menaikkan taraf sekolah latihan penolong jururawat menjadi sekolah latihan jururawat dan menggalakkan agensi-agensi lain khususnya universiti-universiti tempatan dan agensi-agensi swasta yang berkenaan menganjurkan kursus dan latihan kepada calon-calon jururawat.

Tenaga pengajar adalah merupakan keperluan asas yang sangat penting dalam proses penghasilan seorang jururawat terlatih. Bagi tujuan ini, setiap 20 pelatih memerlukan sekurang-kurangnya seorang tenaga pengajar atau pelatih. Berdasarkan kepada bilangan pelatih yang ada di sekolah-sekolah latihan jururawat di Kementerian ini, maka sekurang-kurangnya seramai 165 orang tenaga pengajar diperlukan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan hanya dapat mengadakan seramai 120 orang tenaga pengajar sahaja sekarang memandangkan ketiadaan calon-calon yang berkelayakan:

Bagi memenuhi keperluan di atas dan sebagai persiapan untuk membekalkan tenaga pengajar yang mencukupi menjelang tahun 2020, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan program-program ke arah mempertingkatkan bilangan tenaga pengajar dan cara menghantar calon-calon yang berkelayakan mengikuti kursus di luar negara seramai 30 orang setiap tahun, mengikuti kursus di Universiti Malaya seramai 10 orang setahun dan mengikuti kursus di Institut. Kesihatan-Umum seramai 20 orang setahun.

Berdasarkan kepada sebab-sebab seperti di atas dan sebagai langkah sementara, Kementerian ini terpaksa mendapatkan perkhidmatan jururawat warganegara asing untuk mengisi sebilangan kecil jawatan-jawatan jururawat yang masih kosong sekarang. Kementerian Kesihatan percaya bahawa pergantungan kepada perkhidmatan jururawat asing tersebut akan berkurangan dan mungkin ditiadakan langsung pada beberapa tahun yang akan datang apabila

strategi-strategi meningkatkan bilangan pelatih-pelatih jururawat warganegara yang sedang dilaksanakan sekarang ini tercapai.

Puan Hajah Habshah binti Haji Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah dasar Kerajaan dalam pemilihan jururawat-jururawat asing ini terutamanya dari negara Myanmar dan Vietnam?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan adalah mengikut kelayakan mereka. Jika kelayakan mereka setaraf dengan kelayakan jururawat-jururawat di tanah air kita maka mereka ini adalah dilantik.

Kedua, kita beri keutamaan bahasa. Jika mereka boleh berbual dengan bahasa Inggeris; maka kita beri keutamaan.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya, adakah benar tidak kurang daripada 15% daripada pelatih ini gagal atau tidak lulus dan kalau benar mengapakah mereka gagal.

Dato' K.Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai butir-butir yang diminta oleh Yang Berhormat. Oleh itu saya minta notis.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, sesiapaakah yang menemuduga untuk menerima jururawat-jururawat luar ini? Adakah ia daripada Kementerian, adakah ia terdiri daripada Menteri atau adakah Yang Berhormat sendiri? Siapa yang menemuduga mereka ini dah di atas dasar-dasar apa mereka ini diambil?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, dalam Perkhidmatan Awam

dasarnya ditemuduga oleh SPA. Tetapi pada tahun ini kuasa itu diturunkan kepada Kementerian Kesihatan, tetapi kuasa itu tidak dipegang oleh ahli politik tetapi dipegang oleh orang yang bertaraf Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) yang akan mengetuai satu rombongan temuduga yang akan diadakan di luar negeri. Bukan di sini.

Dr. Toh Kin Woon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah kelayakan-kelayakan sebenarnya yang dikehendaki oleh Kementerian Kesihatan pada masa mengambil jururawat-jururawat dari negara-negara asing. Umpamanya, adakah kelayakan SRN atau yang setaraf dengannya diperlukan?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya terangkan tadi, kelayakan yang diiktiraf oleh Nursing Board of Malaysia iaitu SRN.

Tuan Hanipah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan, adakah dibolehkan hospital swasta mengadakan sekolah latihan jururawat dan kalau boleh apakah prasyarat yang telah ditentukan oleh pihak Kerajaan?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini ada beberapa hospital swasta menjalankan latihan untuk Jururawat. Jika hospital-hospital yang menubuhkan satu skim latihan, Kementerian Kesihatan bersedia untuk membantu mereka. Mereka boleh berhubung dengan Kementerian Kesihatan - ada syarat-syarat yang tertentu.

KOLEJ BANDAR UTAMA DAMANSARA - SEBAB KERUNTUHAN BANGUNAN

18. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) kes bangunan separuh siap runtuh yang berlaku di Bandar Utama Damansara pada 19 Oktober 1993; dan
- (b) peranan yang dimainkan oleh JKR terhadap bangunan sedang dibina runtuh terutama kes kemalangan yang berlaku seperti tersebut di atas.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Kolej Bandar Utama Damansara merupakan sebuah bangunan satu blok empat tingkat dua aras di bawah tanah yang dibina di atas sebahagian lot

15388, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan, yang dilaksanakan secara swasta. Perlaksanaannya dikendali oleh sekumpulan perunding yang dilantik oleh pemilik yang terdiri daripada perunding arkitek, jurutera mekanikal dan elektrik, jurutera sivil dan struktur.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ingin dimaklumkan bahawa pihak JKR tidak terlibat langsung dalam pelaksanaan projek, ini kerana projek ini merupakan projek swasta yang dikendalikan oleh perunding-perunding yang dilantik oleh pemilik bangunan itu sendiri. Walau bagaimanapun, berikutan daripada keruntuhan bangunan tersebut, Majlis Daerah Petaling telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras dan Jawatankuasa Kecil Teknikal untuk menyiasat sebab-sebab keruntuhan tersebut. Pegawai-pegawai JKR yang tertentu telah dilantik menjadi ahli-ahli jawatankuasa berkenaan.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-pertua, saya cuma hendak tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah peranan yang

dimainkan oleh pihak JKR bagi satu-satu projek atau satu-satu bangunan yang sedang dibina. Setahu saya pihak JKR hanya mengambil bahagian dalam mesyuarat Jawatankuasa Tempatan merancang ataupun meluluskan 'building plan' dan akhirnya melawat projek yang telah disiap ataupun bangunan yang telah dibina itu bagi meluluskan. CF sahaja.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara kita ada dua jenis bangunan. Satu jenis bangunan yang dikendalikan oleh Kerajaan iaitu bangunan Kerajaan seperti sekolah, hospital dan bangunan-bangunan yang lain

Dan ada sejenis lagi bangunan dikatakan bangunan swasta. Kalau bangunan swasta itu, pihak JKR cuma menjaga jalan atau lain-lain dan tidak terlibat di dalam reka-bentuk, pengawasan atau lain-lain.

Tuan Ding Seling: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kerajaan mengambil apa-apa tindakan terhadap pihak perunding yang bertanggungjawab memandangkan bangunan yang runtuh itu adalah, dengan izin, in the public interest.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan yang perlu diambil itu haruslah diambil oleh pertubuhan-pertubuhan perunding yang berkenaan, bukan oleh Kementerian Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup
dao Jawapan bagi Pertanyaan No.19 hingga 43 akan dimasukkan ke
dalam naskhah bercetak kelak]**

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1994****Bacaaa Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". [21hb Disember, 1993]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, sila sambung ucapan.

3.35 ptg.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung kembali hujah saya pada hari semalam dan saya baru sahaja hendak berucap, nampak Yang Berhormat tidak sudi hendak mendengar ucapan saya - dia keluar. Tetapi tidak mengapalah, saya ada sahabat saya Tuan Mohd. Zain dari 5.46, sekurang-kurangnya dengan kehadirannya di dalam. Dewan ini dapat sedikit sebanyak memberi peluang kepada saya untuk mendengar jawapan yang mungkin telah dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari PAS pada hari semalam.

Saya cuma menyebut kecewa sedikit; sebab kalau kita berucap, membuat satu kritikan, kemudian sebaik sahaja kita sudah berucap, kita terus keluar bermakna kita tidak berminat langsung untuk menyelesaikan masalah itu melainkah di bangkitkan hujah itu semata-mata untuk hendak memburukkan Kerajaan sahaja. Sebab kalau

kita benar-benar mahu mendengar kepada penyelesaian, kita harus bertanggungjawab walau apa sekali pun, kita kena duduk dan mendengar kerana kita telah mengutarakan sesuatu persoalan yang sudah tentu akan dijawab.

Jadi, saya hendak menyatakan saya kecewa sedikit dengan sikap yang telah ditunjuk oleh Yang Berhormat Senator daripada PAS yang memang sahaja untuk membangkitkan sesuatu yang boleh hanya memburukkan Kerajaan tetapi tidak mahu menyelesaikan masalah.

Semalam ada dibangkitkan berkenaan dengan grant yang dikatakan dilambat-lambatkan, yang diberikan kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Masalahnya di sini ialah apabila kita bercakap tentang pembangunan, jadi kita kata bahawa kita sebuah Kerajaan yang mementingkan kepada pembangunan, maka ada jawapan daripada Kerajaan Negeri Kelantan mengatakan iaitu bahawa mereka berserah kepada takdir. Kalau pembangunan itu maknanya bahawa kita hendak membasmi kemiskinan, mereka kata itu tidak perlu membasmi kemiskinan kerana ini semua takdir. Jadi, kalau itulah jawapannya, kalau kita terlambat beri, maka senanglah, sepatutnya dia harus tahu - itu takdirilah, bahawa grant itu datang lambat - takdir: Mengapa perlu marah?

Bila kita hendak membangunkan Negeri Kelantan, dia kata, ini tidak penting, ini semua soal kemiskinan dan pembangunan semuanya ini tidak penting, ini berserah kepada takdir. Tetapi bila kita lambat memberi grant, dia tidak mahu kata ini takdir pula, dia marah kepada kita.

Inilah benda-benda yang dibangkitkan oleh pemimpin-pemimpin parti pembangkang yang hari ini memerintah Kerajaan Negeri Kelantan, cakap benda lain tetapi buat benda lain - ini masalahnya.

Soal capitation grant. Semua orang tahu, ini adalah satu keperluan yang mendapat penguatkuasaan daripada Akta yang mana kita kena beri - mesti beri, buat apa yang hendak sibuk, yang hendak bangkitkan kata Kerajaan tidak mahu beri? Kalau kita Kerajaan Pusat tidak beri, bermakna kita membuat sesuatu yang tidak mengikut, yang unconstitutional. Capitation grant kena beri. Semalam untuk pengetahuan saya, dengan izin, for my own information, saya check tengok, sudah d i b e r i . Tetapi kerana dia itu merupakan sebuah Kerajaan yang datang daripada parti Pembangkang, lambat sedikit pun tidak boleh. Negeri-negeri lain pun ada juga yang lambat, yang dapat grant. lambat daripada Kerajaan Pusat yang diberikan kepada Kerajaan Negeri. Tetapi kita tidak terasa kelambatan itu menyebabkan seolah-olah satu apa yang dikatakan penganiayaan kepada kita, penganaktirian kepada kita. Mengapa dia terlalu sensitif? Lambat sedikit pun tidak boleh - kerana dia -Pembangkang?.

Jadi, silap sedikit pun tidak boleh? Jadi, ini yang saya hendak katakan di sini iaitu bahawa dalam soal capitation grant yang kita kena beri. Saya minta Yang Berhormat Tuan Mohd. Zain bangunlah tanya sedikit, sebab saya terbuka, bila terbuka orang tidak mahu minta. Saya minta banyak kali tetapi dia, tidak buka, jadi tidak mengapalah.

Jadi, benda-benda seperti ini sebelum sesuatu benda yang kita hendak bangkitkan biarlah benda itu benar-benar ada bukti yang menunjukkan bahawa sebenarnya ada penganiayaan - itu tidak mengapa. Tetapi secara rambang, secara umum, "tembak" sahaja mengatakan Kerajaan menganaktirikan Kerajaan Negeri Kelantan, saya ingat itu sepertimana yang saya sebutkan semalam, tidak benar. Saya sendiri yang saya hendak

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta penjelasan.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Minta penjelasan daripada Yang Berhormat, kerana daripada semalam, sampai sekarang ini, saya dapati bahawa Yang Berhormat mengatakan ini satu pembohongan, satu penipuan.

Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat **ini**, dari segi Islam, jika seorang Islam yang bohong, yang mengatakan sesuatu yang bohong - apa kesalahan dari segi Islamnya, sepatutnya apa tindakan yang harus diambil?

Datuk Haji Hohamed Nazri bin Abdul Aziz: Membohong ini berdosa. Apatah lagi kalau pembohongan itu dibuat di dalam Dewan yang mulia terhadap suatu benda yang Kerajaan telah lakukan, bermakna kalau Kerajaan telah menolong rakyat Kelantan dan kita kata 'tidak tolong' - itu suatu pembohongan besarlah itu, membohong dalam Dewan yang mulia, membohong rakyat yang dapat bantuan daripada Kerajaan.

Saya berani cakap, sebab saya turun ke negeri Kelantan selaku Pengerusi MARA, saya berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan. Siapa hendak menafikan saya menganaktirikan - Kerajaan Persekutuan menganaktirikan Kerajaan Kelantan. Boleh bertanya dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan. Tanya kepadanya, apa yang saya boleh buat untuk negeri Kelantan, hendak bantukah bumiputera di negeri Kelantan? Ini kita buat. Inilah masalahnya, orang di peringkat bawah tak tahu tentang cerita, tetapi dia hendak bercakap dalam Dewan yang mulia ini. Sebelum hendak bercakap, menuduh Kerajaan Pusat tidak buat, tanya dahulu Menteri Besar Kelantan betulkah? Kalau ada kes spesifik, sebutkan kes spesifik. Ini secara umum dan rambang. Saya keciwa, kerana apa? Sebab saya tidak berbuat demikian, dan saya percaya ramai lagi Menteri-menteri dalam Kerajaan tidak berbuat demikian. Kita tidak kira siapa di Kelantan, kalau hendak masuk MRSM, hendak bantu dia; kita tidak tanya dia sama ada PASKah atau dia 5.46. Saya tidak tanya. saya berani cakap sebab saya terima surat daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan minta tolong ada dua tiga orang pelajar hendak masuk MRSM - saya tolong. Kalau mereka ada syarat kelulusan, saya tolong.

Jadi, ini satu pembohongan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator daripada PAS semalam, yang secara rambang, tembak dan katakan bahawa Kerajaan Pusat mengira bulu dalam hendak memberikan bantuan kepada rakyat yang berada di negeri Kelantan. Saya hendak menafikan ini kerana saya terlibat secara langsung saya tidak

pernah diarah oleh Perdana Menteri Malaysia apabila jadi Pengerusi MARA, kata "you tengok-tengok sedikitlah yang mana budak-budak PAS, jangan beri", tak pernah dibuat. Sebab itu saya kata dia membohong dalam Dewan yang mulia **ini**.

Saya hendak menyatakan perasaan keciwa saya, lain kali kalau ada perkara yang khusus, pergi kepada yang khusus. Apa yang tak puas hati, "**ini** tak betul," jangan main tembak mengatakan, "**ini** berlaku kepada keluarga saya." Mana saya tahu, sama ada perkara itu berlaku atau tidak berlaku. Cakap perkara yang khusus, dan jangan tembak secara rambang mengatakan Kerajaan Pusat menganiayakan orang-orang PAS dan S.46 yang berada di negeri Kelantan. Ada kes khusus, boleh bangkit, tetapi jangan buat secara umum yang hendak menampakkan seolah-olah ada satu arahan daripada Kerajaan Pusat supaya kita menganaktirikan negeri Kelantan. Ini adalah tidak benar.

Begitulah juga dalam soal - semalam kita dengar Yang Berhormat daripada PAS menyebut bahawa Perlembagaan kita ialah Al-Quran dan Hadis. Jangan berhenti setakat itu sahaja. Dia tahu bahawa kita tak mahu bincangkan soal Al-Quran dan Hadis dalam Dewan seperti **ini**, kerana bukan semua daripada kita ini tahu tentang perkara **ini**. Jadi, tidak adil dalam platform seperti **ini**, tembak begitu sahaja tanpa memberi penjelasan. Saya hendak tanya dia, dia tahu atau tidak apa itu Perlembagaan Persekutuan Malaysia? Dia tahu atau tidak isi kandungan dalam Perlembagaan Malaysia kita ini? Dia tak tahu. Dalam Perlembagaan Malaysia, ini ialah peraturan-peraturan yang dibuat oleh manusia, memang betul. Kita tidak menafikan bahawa ini perbuatan manusia yang khusus untuk negara Malaysia yang sudah tentu di dalam Al-Quran tidak ada, kerana di waktu Al-Quran itu

diturunkan daripada langit, Malaysia belum wujud lagi. Perlembagaan Malaysia bercakap tentang peraturan yang khusus untuk Malaysia. Sempadan dia apa, Malaysia itu apa negerinya, Malaysia itu berapa besar kaki persegi negerinya, bercakap tentang Malay Reserve. Ini semua tidak ada dalam Al-Quran. Sebab apa? - Al-Quran itu ialah peraturan umum. Jadi, untuk dia mengatakan seolah-olah bahawa Perlembagaan Malaysia adalah Al-Quran dan Hadis, ini tidak betul. Dia tidak tahu apa pun mengenai Perlembagaan Malaysia itu untuk dia membuat kenyataan sedemikian rupa. Kita sudah letak dalam Perlembagaan Malaysia, Perkara 3, iaitu "Agama bagi Persekutuan ialah Agama. Islara," kita sudah tahu. Bermakna bahawa segala apa peraturan yang ada kaitan dengan orang Islam, mesti ikut agama Islam cukup. Tetapi untuk dia hendak kata, "bahawa, Perlembagaan kita ialah Al-Quran", dalam Al-Quran tidak ada sebut Malaysia. Saya hendak tanya dia dalam Al-Quran mana yang dia baca ada sebut Malaysia? Sebab dia tak faham apakah itu perkataan 'Perlembagaan'.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri. Apakah sepanjang ucapan yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat dari PAS semalam, Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri ada mendengar bahawa hujah-hujah yang telah dinyatakan kepada Dewan ini semalam mengenai Perlembagaan yang berlandaskan Al-Quran dan Hadis itu disandarkan dengan ayat-ayat Al-Quran dan Hadis untuk mengukuhkan apa yang diperkatakan dalam Dewan semalam.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada. Sebab itu saya tidak yakin dengan apa yang dia cakap. Saya rasa kalau dia bertanggungjawab, maka dia tidak akan menghinakan Al-Quran dan Hadis itu untuk dibincang dan dihujahkan dalam Dewan ini. Soal itu ialah soal yang harus kita bincang sesama kita. Untuk dia berkata bahawa Al-Quran itu adalah Perlembagaan kita, dia tak faham apakah itu Perlembagaan Malaysia. Sebab itu kepada saya, apa yang Yang Berhormat Ustazah bertanya tadi memang satu perkara bercakap tidak didasarkan diasaskan kepada ayat-ayat Al-Quran. Saya tak dengar pun apa-apa ayat Al-Quran ada atau nas-nas yang dia hendak bangkit, tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, inilah saya hendak sebut, keciwa perasaan saya, kerana sebenarnya saya tengok dia tidak bersungguh-sungguh untuk menegakkan Islam, melainkan hanya untuk menggunakan Islam untuk kepentingan parti politik dia sahaja. Dan sebab itu, segala apa yang dia berucap semalam itu, saya percaya ialah satu perkara yang ditulis oleh orang untuk dia baca sahaja di dalam Dewan ini. Ini sungguh mengecewakan. Kalau hendak buat ucapan bercakap biarlah perkara yang benar. Tetapi bila perkara-perkara seperti ini saya cukup keciwa dengan prestasi Senator daripada PAS itu. Kepada saya, jangan - dia tahu bahawa kita di kalangan orang-orang Islam, kita memang tak mahu menyatakan sesuatu yang kemungkinan akan menampakkan kita seolah-olah menolak Al-Quran dan Hadis itu.

Sepatutnya kalau dia bertanggungjawab terhadap Al-Quran dan juga Hadis, maka dia tidak patut bawa di sini, sebab dia tahu hujah-hujah dia itu hendak menakutkan orang. Dia tahu memang kita tak akan

bincang. Kalau saya pun sebagai seorang Islam, saya tak mahu dan agak sukar untuk saya berdiri di sini dan menyatakan bahawa kita tidak boleh terima Al-Quran, tidak boleh. Memang kita kena terima, tetapi bukan sebagai Perlembagaan Malaysia. Sebab perkataan "Perlembagaan" itu ialah peraturan-peraturan manusia yang dibuat khusus untuk Malaysia. Kalau saya guna Al-Quran itu sebagai Perlembagaan kita, macam mana saya hendak kata sesuatu perkara yang saya hendak buat bagi negeri Sarawak sebagai contoh, kerana "Sarawak" itu perkataannya tidak ada dalam Al-Quran. Jadi, dia kena faham apakah itu Perlembagaan terlebih dahulu sebelum dia hendak kata bahawa itulah Perlembagaan kita.

Jadi, di sini kita jangan mempermainkan Al-Quran dan juga Hadis. Sebab itu, memang dia tidak bertanggungjawab apabila dia bercakap seperti demikian rupa, dia lepas dan lempar begitu sahaja, dan dia tidak memberikan penekanan di mana ucapan-ucapannya itu berasas daripada ayat-ayat Al-Quran. Dia sengaja hendak menakutkan kita sahaja, dan ini saya tidak boleh terima.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Saya minta sedikit penjelasan, biasanya selalu dikatakan, mungkin dia sebagai wakil daripada Kelantan menganggapkan 'PAS itu Islam dan Islam itu PAS' Apa pandangan Yang Berhormat kalau kenyataan yang seumpama itu dianggapkan bahawa PAS itu Islam dan Islam itu adalah PAS,' yang memberi kuasa untuk bercakap dari segi ini.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya ingat persoalan ini tidak usah tanya kepada saya. Tanyalah kepada rakannya iaitu Parti S.46 di Kelantan. Sebab Parti S.46 pun tak anggap 'PAS itu Islam dan Islam itu PAS. Kalau S.46 rakan dia di negeri Kelantan menganggap 'PAS itu Islam, dan Islam itu PAS' sudah tentu mereka tidak ada Parti S.46, mereka semua masuk PAS. Jadi, rakan dia sendiri tidak yakin bahawa 'PAS itu Islam dan Islam itu PAS.' Jadi, kepada saya memang itu satu kenyataan yang kita tidak boleh terima. Kalau rakan karib dia pun tak terima, maka sudah tentu kita tidak akan terima. Memang kepada kita, "PAS itu bukan Islam, dan Islam itu bukan PAS". Islam itu pada semua bagi orang yang akur dan mempercayai kepada agama itu. Jadi, soalan Yang Berhormat tadi, saya ingat lebih baik tanyakan kepada rakan mreka daripada Parti S.46, DAP dan juga PBS sama ada "PAS itu Islam dan Islam itu PAS."

Jadi, Tuan Yang di-pertua, saya tidaklah berniat untuk bercakap dengan panjang berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Senator dari parti PAS itu, sebab dia pun tidak hadir di sini. Jadi, saya pun kurang kesungguhan - sebab dia tidak ada. Dan mereka pun tidak mahu tanya kepada saya. Saya pun tunggu juga, tetapi tidak ada siapa yang hendak tanya. Tidak apalah. Jadi, saya pergi kepada soal yang ada kaitan dengan Perbekalan. Walau bagaimanapun, kalau Yang Berhormat dari parti Semangat 46 hendak berucap, saya akan tunggulah, sebab saya pun hendak dengar ucapannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kementerian Kesihatan, saya hendak kaitkan sedikit yakni berkenaan dengan peruntukan sebanyak RM2 bilion yang diberikan kepada Kementerian Kesihatan. Saya rasa ini adalah satu perkara yang baik kerana penekanan Kerajaan kepada kesihatan, khususnya, kepada rakyat biasa yang sudah tentu, kalau banyak menghadapi apa-apa kesulitan, mungkin mereka agak payah untuk mendapatkan rawatan daripada hospital-hospital. Jumlah yang dibelanjakan itu besar - b a g u s . Tetapi apa yang saya hendak sebutkan di sini ialah, apakah dengan pemberian lebih RM2 bilion kepada Kementerian Kesihatan ini ianya boleh mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat biasa apabila mereka menghadapi penyakit, katalah, contohnya penyakit jantung dan lain-lain?

Saya rasa dahulu saya ada pernah bercakap dalam Dewan ini, saya kata, kita harus memikirkan satu skim yang mana dalam skim ini kita galakkan pembayaran seperti KWSP di mana tiap-tiap bulan pencaruman dibuat. Tidak usah kita tunggu sakit baharu kita hendak cari duit untuk membayar, biarlah pembayaran ini dibuat tiap-tiap bulan

sebagai caruman tanpa kesedaran kita. Akhirnya nanti, apabila kita menghadapi apa-apa juga penyakit atau apa-apa, dia akan mengambil kira pembayaran caruman yang kita buat pada tiap-tiap bulan. Sebab, jika kita beri duit RM2 bilion, apakah RM2 bilion ini akan dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh orang-orang biasa? Apakah ini akan menyebabkan hospital bertambah lebih efisien lagi? Saya tidak nampak. Saya nampak di sini, selagi hospital ini merupakan satu badan yang diberikan tanggungjawab kepada Kerajaan, saya rasa, seperti mana-mana juga badan Kerajaan, walau pun dia merupakan hospital Kerajaan tetapi kalau dibandingkan dengan hospital swasta, ia adalah berbeza. Badan swasta lebih efisien dan dijalankan dengan begitu baik untuk memberikan perkhidmatan yang baik kepada rakyat.

Pada saya, saya rasa lebih baik, di mana boleh, kita swastakan hospital ini. Kerana apa? Kerana penswastaan itu telah jelas menunjukkan akan memberikan satu perkhidmatan yang baik di dalam bidang-bidang yang diswastakan. Kita tengok seperti TNB dan Telekom yang diswastakan. Orang bising kata, "Ini mungkin mahal dia punya treatment", tetapi kita tengok, apabila diswastakan, maka ia akan dijalankan dengan baik. Telekom diswastakan - baik. Jadi, dengan sebab itu, kepada saya, hospital-hospital ini perlu kita swastakan. Apabila kita swastakan, bermakna kita menjaminkan supaya khidmat yang diberikan oleh hospital swasta ini akan lebih baik daripada khidmat yang diberikan oleh hospital Kerajaan. Macam mana kita hendak mengatasinya kalau sekiranya kosnya tinggi sedikit jika hospital itu dijalankan oleh swasta.

Inilah yang saya sebutkan tadi iaitu pencaruman yang kita buat pada tiap-tiap bulan. Kita ada pepatah yang mengatakan bahawa "jangan tunggu hujan baru hendak buka payung". Kita mesti membuat pencaruman dari sekarang. Ketika kita sihat ini tiap-tiap bulan kita buat pencaruman. Akhirnya besok, kalau sekiranya kita menghadapi penyakit, hendak dibedah ataupun apa-apa, kita sudah dijamin oleh pencaruman wang kepada kesihatan untuk membayar segala kos di mana bayaran itu adalah secara langsung merupakan kos pembedahan ataupun lain-lain. Jadi, kita mesti fikir secara serius. Saya pernah duduk di hospital Kerajaan, saya tahulah macam mana keadaannya. Saya hendak marahkan kepada nurse-nurse, saya rasa tidak boleh marah, sebab gajinya tidak berapa sangat. Pesakit-pesakit yang datang berjumpa dengan dia adalah beratus dan beribu. Dalam satu hari - beratus. Jadi, saya tidak nampak bahawa kita boleh menyelesaikan masalah di hospital Kerajaan ini dengan memberikan wang yang begitu banyak, beri doktor gaji yang tinggi, nurse bergaji tinggi, tetapi kemudahannya masih lagi begitu. Saya rasa rakyat tidak akan dapat merasai daripada wang yang begitu banyak diberikan kepada Kementerian Kesihatan ini, khusus untuk hospital ini.

Sebab itu, saya minta kepada Kementerian supaya fikir secara baik-baik. Pertamanya, apakah tidak boleh kita swastakan hospital-hospital yang ada di negara kita ini. Keduanya, kalau sekiranya penswastaan ini akan menyebabkan kos itu tinggi sedikit, maka kita adakah sistem pencaruman supaya tiap-tiap pekerja itu apabila menghadapi sesuatu kemalangan atau sakit, maka dia tidak perlu memikirkan lagi di mana dia hendak mencari duit untuk membayar

segala kos pembedahan yang dilakukan terhadap dirinya. Inilah dua perkara yang saya minta difikirkan oleh Kerajaan kerana ia melibatkan kesihatan rakyat. Rakyat yang kaya, tidak apalah dia boleh pergi mencari hospital yang baik-baik, tetapi ini adalah rakyat yang biasa, yang saya tengok pergi ke Hospital Umum (General Hospital), saya tahu macam mana perasaan mereka. Kita duduk dan kita tengok bagaimana susahnya, kadang-kadang hendak mendapatkan ubat pun kena beratur berjam-jam, yang datang pagi besoknya pun ada juga. Penyakit ini tidak tunggu, kalau dia hendak beri kita mati, kita mati dah, tidak payah tunggu besok. Jadi, ini harus difikirkan oleh Kerajaan,

Keduanya, saya hendak bercakap berkenaan dengan RM3.156 bilion yang diberikan kepada Kementerian Pertahanan. Saya nampak Kementerian Pertahanan ini, dalam ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, semasa dia menjadi Menteri Kewangan dalam pembentangan 'Budget' di Dewan Rakyat, dia kata "Sebahagian daripada peruntukan ini ialah untuk pembelian kapal terbang MiG" - Rusia punya kapal terbang. Saya nampak yang lebih 'urgent' ialah dalam soal perairan kita. Kita mempunyai persisiran pantai yang begitu luas, daripada negeri Sabah sampai ke negeri Perlis. Jadi, perairan ini mesti dipertahankan. Ada perlunya untuk membeli kapal terbang-bagi mempertahankan negara kita. Tetapi perairan ini, kalau kita tidak jaga kemasukan 'smugglers' dan pendatang haram, maka ia merupakan masalah yang kita hadapi sekarang. Bukan masalah musuh, kita tidak menghadapi masalah ada negara luar yang melanggar kita - tidak ada. Kalau ada masalah negara asing hendak melanggar

Malaysia, mungkin ada baiknya kita beli kapal terbang MiG dengan banyak tidak apa. Tetapi, masalah yang kita hadapi pada hari ini ialah perairan kita. Soal orang mencero bohi perairan kita, soal imigran-imigran yang datang dari luar - begitu bocor perairan kita. Mereka boleh masuk pada bila-bila masa. Ini yang kita kena jaga.

Jadi, sebab itu, kepada saya, keutamaan harus diberikan kepada pembelian kapal-kapal laut yang boleh mengawasi kawasan perairan kita untuk mengelak 'smuggling' dan untuk mengelak kemasukan rakyat asing secara haram. Ini lebih tenat lagi. Saya tidak bersetuju langsung dengan 'illegal immigrants' yang datang ke negara kita. Kita tengok di bandar-bandar kita, macam mana? Bukan soal penyeludup masuk, ini soal perempuan yang datang dari Myanmar yang ada anak dan minta sedekah. Dia boleh masuk ke dalam perairan kita. Masuk dan duduk dalam Kuala Lumpur. Ini bermakna pertahanan perairan kita tidak lengkap. Bukannya soal 'spy' daripada Rusia atau dari Amerika yang menyeludup masuk ke dalam negara kita. Ini perempuan Myanmar dengan anaknya sekali boleh masuk ke dalam negara kita, duduk di tengah-tengah Kuala Lumpur, orang kita tidak tahu dari mana dia masuk. Jadi, sebab itulah pentingnya soal mempertahankan sempadan kita, khususnya, perairan kita.

Sebab itu, segala barang-barang yang hendak kita belikan untuk Kementerian Pertahanan harus diambil kira untuk menjaga pesisiran pantai kita. Saya rasa soal musuh hendak mencero boh kita, setakat ini kita tidak dengar lagi, tetapi soal penyeludup masuk dan soal imigran haram masuk, ini satu perkara yang semua orang sudah tahu. Dan soal perempuan Myanmar dengan anaknya duduk di tengah-tengah kota bandaraya, minta sedekah - orang macam ini pun boleh celus masuk dalam negara kita tanpa pengetahuan pihak berkuasa.

Sebab itu, kita kena menekankan supaya pembelian kapal-kapal laut ini harus diutamakan daripada membeli kapal-kapal terbang seperti MiG kerana soalnya di sini ialah, yang menekan kita ialah soal penyeludupan dan soal imigran haram yang datang daripada negara asing.

Yang ketiga, ini berkenaan dengan sukan. Sukan ini, perbelanjaan wang banyak diberikan kerana kita menghadapi tahun 1998, di mana kita akan mengadakan Sukan Komanwel pada tahun itu. Saya tengok di sini, saya agak dalam permainan sukan ini, saya tidak nampak bahawa kita boleh mencungkil bakat daripada kampung-kampung kalau sekiranya hari ini kita masih lagi mengadakan pasukan yang berasaskan kepada negeri-negeri. Sebab negeri-negeri ini, kalau kita adakan pertandingan dan asas pasukan itu ditubuhkan ialah berasaskan kepada negeri. Ada 14 negeri sahajalah, iaitu 11 di sini, 1 Wilayah Persekutuan dan 2 di Sabah.

Macam mana 14 negeri, katalah satu pasukan ada 10 orang, kita hanya dapat mencungkil 140 orang bakat sahaja. Jadi, negara kita luas. Kalau kita bercakap, katalah sebagai contoh, negeri Sarawak dalam permainan bola, pada sayalah, pasukan kesebelas yang ada dalam pasukan bolasepak Sarawak itu tidak semestinya yang terbaik di Sarawak sebab dia tidak pergi lagi ke Limbang. Mungkin di Limbang itu ada seorang 'Pele' di sana, tetapi dia tidak pergi sana, sebab 'Pele' itu duduk di Limbang jauh! Mungkin ada seorang 'Johan Cruyff' daripada Bario, mungkin ada! Kita jangan lupa, Pele mula-mula bermain bola dengan tin sahaja, duduk di tempat-tempat

rumah setingan sahaja. Dia main dengan tin. Yang ini yang pandai main bola ini. Tetapi oleh kerana pasukan kita ini berasaskan kepada negeri, kalau di Sarawak itu, dia hanya lihat kepada pemain-pemain di Kuching sahaja, walhal negerinya luas. Jadi sebenarnya, kita tidak dapat mencungkil bakat yang sebenarnya yang mungkin ada di kawasan-kawasan pedalaman.

Sebab itu saya rasa, paling baik supaya networking kita lebih luas, kita mesti asaskan pasukan kepada daerah. Bila daerah itu, lebih luas. Kalau di Sabah dan Sarawak, kita tak usah ambil negeri, kita ambil bahagian. Ia ada bahagian Limbang dan Miri. Ini sepatutnya, apa-apa pertandingan yang kita hendak buat berasaskan katalah kepada pertandingan nasional, mestilah pasukan itu berasaskan kepada daerah kerana daerah itu, jikalau kita ada 83 daerah, pasukan itu ada 10 orang, bermakna kita boleh pilih yang terbaik untuk Malaysia daripada 830 orang pemain. Kalau negeri sahaja, kita ada 14, kali 10 = 140.

Takkanlah di seluruh Malaysia ini ada pemain yang terbaik sebanyak 140 orang sahaja. Saya rasa mesti ramai dan lebih daripada itu. Sebab itu, sukan kita ini bukan meningkat, ia bertambah menurun. Jadi kita mesti pergi ke luar ini. Pergi ke Bario, pergi ke Limbang, pergi ke Kudat, pergi ke Sandakan. Jangan dok main di Kota Kinabalu dengan Kuching sahaja ataupun di Kuala Lumpur ini, dok main di Shah Alam sahaja! Saya percaya dekat Kapar pun ramai juga pemain-pemainnya. Ya, Datin sokong saya! **[Ketawa]** Ya. Datin seorang peminat sukan.

Jadi, yang mana duduk di Kuala Lumpur, yang mana duduk di Shah Alam di ibu negeri, yang itu sahaja kita nampak. Kita tidak

meluaskan pandangan kita kepada daerah-daerah yang sudah tentu, saya percaya ada seorang 'Pele' dan 'Johan Cruyf' dan juga, kita jangan lupa, Rashid Sidek itu dari kampung juga, Banting, bukan orang bandar.

Jadi sebab itu, saya minta kepada Kementerian, dalam kita memikirkan untuk memajukan sukan kita menjelang tahun 1998, biarlah networking kita itu menyeluruh sampai ke kawasan-kawasan mukim pedalaman untuk kita mencari dan mencungkil bakat-bakat yang terpendam yang mungkin ada di kampung-kampung ini. Latih mereka ini. Mereka ini semua rough diamonds - polish mereka sedikit. Saya percaya dia akan bersinar sepertimana Pele telah menyinari Brazil dan Rashid menyinari Malaysia, macam itulah. Datin sokong.

Jadi, itu sukan. Saya minta di masa-masa yang akan datang, difikirkan oleh Persatuan-persatuan Sukan supaya kalau sekiranya ada pertandingan di peringkat nasional, pasukan itu hendaklah diasaskan kepada daerah dan bukan kepada negeri kerana negeri itu bilangannya kecil dan orang yang akan terlibat juga adalah kecil. Hendak cari terbaik di kalangan 140 orang, lebih baik kita cari yang terbaik di kalangan 830. Kita ada 83 daerah, kalau kali 10 pemain, ada 830. Kita mesti sebar seluas-luasnya soal sukan ini.

Yang terakhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masalah yang saya rasa mendesak iaitu masalah 'kondo' kita ini. Saya setuju saya ada dengar saya pergi ke Masjid di Bangsar minggu lepas, ada Imam yang telah memberi khutbah. Dia mengatakan, "Kuala Lumpur ini terdesak sangatkah? Malaysia ini terdesak sangatkah tanah sampai pergi duduk dekat tepi-tepi bukit? Bukit ini pasak bumi". Memang betul. Kita lahir di dunia, ada bukit itu, sudah ada

peranannya itu. Jadi bukit ini, kalau kita pecahkan, kita potong, inilah jadinya. Fasal apa orang terdesak? Apakah Malaysia ini tanah berkurangan? Saya rasa tanah tidak berkurangan. Masalahnya kerana hendak dekat dengan city centre. Sebab itulah bila kita hendak dekat dengan city centre, inilah menjadi masalahnya, kerana dekat kepada pusat bandar, jadi semua hendak duduk dekat pusat bandar, semua naik tinggi-tinggi, buat ke atas, bukan ke bawah, macam itu.

Jadi masalahnya di sini, apa masalah yang sebenarnya? Kalau orang hendak dekat dengan bandar kerana apa? Keraria dia hendak sampai ke pejabat cepat. Sebab itu pengangkutan dalam bandaraya ini kena buat sekarang. Jangan dok elak-elak kerana kos. Jadi, hendak buat LRT, buat sekarang! Kalau kita bincangkan sekarang, LRT itu mahal sangat, dua tahun ia akan mahal lagi, tiga tahun ia akan mahal lagi. Kita mesti ada satu komitmen atau political will untuk mengatasi masalah ini buat selama-lamanya. Bukan dengan mengatakan satu kereta empat orang - itu sementara sahaja! LRT ini kena buat. Saya percaya, kalau pengangkutan kita dalam bandar ini adalah cepat dan efisien, orang boleh duduk di Rawang. Kita buat rumah di Rawang, kita bekerja, pergi ke Stesen Keretapi Rawang, terus naik keretapi, dalam 15 minit, sampai di Kuala Lumpur. Siapa tak hendak? Saya pun hendak!

Tetapi masalahnya, oleh kerana pengangkutan kita dalam bandar ini tahun demi tahun kita delay, delay dan delay, maka untuk mengelakkan lambat datang ke pejabat, mereka hendak duduk dekat dengan pusat bandar atau city centre. Sebab itulah sanggup duduk di atas bukit. Sudahlah atas bukit, tinggi pula menara itu,

siapa tak gayat tengok? Jadi, masalah yang sebenarnya ialah pengangkutan dalam bandaraya. Yang ini yang kita hendak kena selesaikan. Saya percaya, kalau sekiranya kita dapat selesaikan dengan secepat mungkin, ramai yang hendak duduk di Rawang. Saya lebih suka duduk di Rawang, tanah satu atau dua ekar, buat rumah di atas tanah, lebih selesa. Hendak pergi ke bandar, pergi ke railway station Rawang, naik kereta api, 10 minit atau 15 minit sampai. Boleh sampai, kereta api laju.

Tetapi kita tidak endahkan tentang pengangkutan dalam bandaraya. inilah masalahnya. Orang buat banyak 'kondo-kondo' di atas bukit. Sudah tidak ada dekat pusat bandar ini di atas tanah yang datar, buat di atas bukit, tak apa, asalkan dekat dengan bandar, cepat sampai! .

Jadi masalah yang sebenarnya ialah pengangkutan dalam bandar itu mesti kita selesaikan secepat mungkin. Kalau tidak, saya rasa, buatlah undang-undang apa sekali pun,' sebab walaupun kita ada undang-undang, tetapi demand untuk 'kondo' itu masih ada, maka kita cakap apa pun, dia hendak duduk di 'kondo' juga kerana hendak dekat dengan pusat bandar. Tetapi kalau kita boleh menjaminkan bahawa pengangkutan dalam bandar itu dapat diselesaikan dengan cepat, saya percaya orang tak kisah duduk di Rawang atau duduk di mana, mereka rela duduk di rumah di atas tanah asalkan dalam 10 atau, 15 minit, naik keretapi boleh sampai ke Kuala Lumpur. Itu sahaja.

Bukan kerana orang tak mahu duduk di luar. Orang hendak duduk di luar, tetapi soalnya itulah, hendak sampai ke pusat bandar dengan traffic jam dan macam-macam problem. Sebab itu orang hendak duduk dalam bandar dan dekat dengan bandar supaya sempat dia hendak pergi kerja. Jadi, soal pengajaran di sini ialah bahawa 'kondo' itu memang betul, tetapi silapnya ialah sepatutnya ia tidak boleh dibuat di lereng bukit.

Tapi kalau masalah pengangkutan dalam bandar ini diselesaikan orang tidak terfikirpun untuk buat kondominium di atas bukit. Orang lebih suka duduk di luar, dia boleh datang ke bandar secepat mungkin kerana ada pengangkutan yang baik, yang boleh bawa dengan keretapi dari Rawangkah atau dari manakah dalam 10 atau 15 minit dengan keretapi laju, boleh sampai ke pusat bandar. Ini lebih penting. Memang kita kena fikirkanlah juga supaya jangan didirikan kondominium-kondominium di lereng bukit. Memang kita jangan buatlah di masa-masa yang akan datang. Tetapi saya percaya dalam masa enam bulan kalau kita tidak selesaikan masalah pengangkutan dalam bandar ini, orang sudah lupa. Orang akan buat semula kondominium-kondominium di tepi bukit dan ramai akan duduk lagi dan kita meletak dan mendedahkan mereka ini kepada bahaya yang mungkin akan mereka hadapi kalau sekiranya hujan lebat dan berlaku tanah runtuh seperti yang berlaku pada kondominium Highland Towers baru-baru ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu berucap panjanglah sebab rakan-rakan lain hendak berucap. Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1994. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Limun Laikim.

4.11 ptg.

Tuan Limun Laikim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Saya turut serta membahas Rang Undang-undang Perbekalan 1994 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 20hb Disember, 1993.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik dengan langkah-langkah kebijaksanaan fiskal iaitu gabungan peruntukan perbelanjaan dan percukaian untuk merangsang pertumbuhan ekonomi yang mampan serta menjamin kesaksamaan dalam menikmati kemakmuran negara.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun hadapan cuba menekan mutu kehidupan rakyat agar bertambah baik dengan pembekalan kemudahan asas, kesihatan, pendidikan dan pendedahan kepada maklumat di mana kejayaan-kejayaan ini memanglah sangat dibanggakan dengan kedudukan kewangan Kerajaan;

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pertumbuhan ekonomi kita telah meningkat, saya rasa kadar inflasi masih terus mencabar dan jika perkara ini tidak dikawal maka ianya boleh menjejaskan produktiviti dan penggunaan teknologi di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, strategi yang digunakan dalam tahun 1994, Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini; kita berharap ianya boleh membantu dan memberi keberkesanan terus untuk dinikmati oleh rakyat kita di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan strategi yang dirangka, saya berharap iaitu peruntukan sebanyak RM13,850 bilion untuk pembangunan dapat diagih-agihkan ke seluruh negeri-negeri yang terdapat di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohamed Nazri sebentar tadi, saya sangat-sangat bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat itu kerana apa yang kita lihat kalau kita ingin meningkatkan prestasi kesihatan rakyat kita di Malaysia yang mana kita seringkali laung-laungkan slogan "Negara Bersih Rakyat Sihat". Ini amatlah ketara sekali bahawa negara kita, Kerajaan kita ingin melihat supaya rakyatnya sihat dan saya berharap Kementerian Kesihatan yang diberi peruntukan RM337 juta untuk pembangunan ini dapat terus dinikmati oleh rakyat di luar-luar bandar terutama sekali di kawasan pedalaman yang terdapat keadaan hospitalnya terlalu usang dan kita dapat lihat di tempat saya sendiri iaitu Daerah Tenom. Daerah Tenom ini adalah terlalu jauh daripada hospital-hospital yang mempunyai kelengkapan yang baik, perubatan yang begitu banyak. Tenom ini ialah 180 batu ataupun lebih kurang 278 kilometer dari Kota Kinabalu dengan keadaan jalannya yang tidak begitu baik, terdapat kekurangan-kekurangan yang ada di hospital ini.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan pedalaman seperti di daerah Nabawan, Keningau, Tambunan dan Tenom ini memang sangat susah mendapat rawatan yang cukup daripada hospital-hospital yang lengkap dengan alat-alat perubatan mahupun alat-alat pembedahan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dalam peruntukan yang begitu besar dan diharap Menteri Kesihatan sendiri dapat melawat ke kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi agar beliau dapat

melihat dengan mata sendiri bahawa daerah-daerah ini sangat-sangat memerlukan hospital ataupun rawatan perubatan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat simpati sekali apabila ada pesakit-pesakit yang hanya sampai di pertengahan jalan dan terus meninggal dunia. Ini adalah akibat daripada kekurangan perubatan dan juga tiadanya alat-alat yang canggih seperti yang terdapat di Hospital Besar Kuala Lumpur ataupun di mana-mana hospital yang lain. Maka dengan ini adalah menjadi harapan saya, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan ini hendaknya tidaklah tertumpu kepada bandar-bandar sahaja tetapi hendaklah tertumpu juga di merata-rata kawasan luar bandar seperti yang terdapat di Sabah dan Sarawak yang sangat-sangat memerlukan.

Begitu juga Kementerian Pendidikan yang telah diberi peruntukan yang begitu banyak, di mana kita dapat lihat peruntukan pembangunan sebanyak RM1.2 bilion diperuntukkan dengan tujuan untuk pembinaan sekolah-sekolah, institusi pendidikan tinggi, institut latihan dan sumbangan bantuan pelajar.

Sebagai ahli yang bertanggungjawab untuk menyuarakan masalah ini, saya berpendapat pihak Kementerian Pendidikan haruslah memberi peruntukan dan perhatian kepada daerah-daerah yang belum pun mendapat sekolah yang baik di mana di daerah saya juga terdapat guru-gurunya hanya tinggal di rumah-rumah ketua kampung, dan begitu juga murid-murid yang mempunyai bilik darjah yang dibantu secara gotong-royong oleh penduduk di kampung seperti yang terdapat di Sekolah Rendah Rundum Sekolah Rendah Batu Teningkang, Sekolah Rendah Kampung Sungai Api dan begitu juga di S.K. Pangi. Kawasan sekolah-sekolah ini dan juga bangunan-bangunan sekolah ini ada gurunya hanya menggunakan batang kayu sebagai bantal, ini saya sendiri dapat lihat dan saya sendiri pernah membantu untuk memberi sedikit peruntukan kerana keadaan yang tidak begitu selesa.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang besar ini adalah diharap agar dapat membantu sekolah-sekolah yang saya sebutkan dan diharap dapat diselidik sekolah-sekolah yang harus menerima bantuan, bukan tertumpu kepada bandar-bandar ataupun di institusi pengajian tinggi seperti yang kita dapat lihat dalam Belanjawan 1994 ini begitu banyak sekali diperuntukkan kepada universiti baru Sarawak ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Kementerian Pendidikan ini kita berharap peruntukan terus mendapat perhatian dan diberi kepada negeri-negeri seperti di Sabah dan Sarawak yang jauh ketinggalan daripada negeri-negeri yang terdapat di Semenanjung Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua , saya juga ingin tahu di mana baru-baru ini satu Kementerian telah diwujudkan semula, iaitu Kementerian Hal Ehwal Sabah, yang mana sehinggalah pada hari ini saya sendiri tidak mengetahui di manakah pejabat Kementerian Hal Ehwal Sabah ini. Saya sangat sedih bahawa Kementerian ini hanya diberi peruntukan yang begitu kecil sekali, iaitu lebih kurang RM2 juta. Memandangkan peruntukan yang begitu kecil kita dapat lihat apakah peranan Kementerian ini-hanya diwujudkan semata-mata untuk memberi satu-satu ganjaran kepada seorang pemimpin ataupun ianya kerana keadaan yang mendesak.

Apa yang kita dapat tahu sekarang ini ialah Kementerian ini telah diwujudkan lebih kurang 6 bulan tetapi kita belum nampak apakah tugas-tugas sebenarnya. Jadi, saya ingin tahu dan diharap Kementerian ini diberi fungsi-fungsi yang terus dapat dinikmati oleh rakyat kita lebih-lebih lagi apa yang kita dapat lihat Kementerian ini tidaklah kurang pentingnya kalau kita dengar daripada fungsi yang diberi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya tidaklah ingin memanjang lebarkan berbahasan ini; Maka saya sekali lagi mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Soong Siew Hoong.

4.26 ptg.

Dato' Soong Siew Hoong: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai suatu Rang Undang-undang bertajuk suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1994

dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu serta memberikan sokongan saya untuknya.

Mula-mula saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana telah membentangkan suatu Belanjawan seimbang yang merupakan suatu kedudukan fiskal dan jarang sekali dicapai sejak negara kita mencapai kemerdekaan. Pencapaian Belanjawan seimbang ini telah menunjukkan kehandalan serta keupayaan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam menguruskan hal ehwal kewangan negara ini. Kehandalan ini telah disahkan lagi oleh pencapaian ekonomi yang begitu cemerlang dalam tahun-tahun kebelakangan ini.

Kadar pertumbuhan ekonomi sebenar pada puratanya iaitu 8.1% setahun dalam tempoh tahun 1991 ke-1993. Ini mengatasi apa yang diramalkan pada awal tempoh ini. Negara kita telah pun mencapai gunatenaga penuh serta kestabilan harga. Banyak negara mahu mencapai kesemua matlamat mereka ini, iaitu kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat, gunatenaga penuh dan kestabilan harga, tetapi hanya sebilangan kecil sahaja yang telah berjaya mencapainya. Malaysia adalah di antara bilangan kecil negara-negara ini,

Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa perkara yang ingin dibangkitkan dalam ucapan saya pada hari ini. Yang pertama, adalah berkenaan dengan industri-industri bersaiz kecil dan sederhana atau ringkasannya IKS yang haram. Baru-baru ini terdapat banyak publisiti tentang? kilang-kilang haram di Selangor, Wilayah Persekutuan dan lain-lain tempat di negara ini. Kilang-kilang ini didapati haram oleh kerana pemilik-pemiliknya tidak memiliki suatu

lesen untuk menjalankan perniagaan mereka, Lesen-lesen ini dikeluarkan oleh Pihak-pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran. Agar kita dapat memahami mengapa terdapat begitu banyak, kilang-kilang yang haram, kita harus mengkaji latar belakang kepada masalah ini. Pada masa perancangan bandar mula dilakukan, bandar-bandar telah dibahagikan kepada beberapa zon atau kawasan, seperti kawasan perumahan kawasan komersil, kawasan terbuka atau institusi dan kawasan perindustrian Di kawasan perumahan, pemaju-pemaju diwajibkan memperuntukkan sebahagian daripada rumah-rumah yang dibina untuk rumah-rumah kos rendah bagi mengatasi masalah kekurangan perumahan yang dihadapi oleh mereka yang berpendapatan rendah.

Selain dari - itu, mereka yang berpendapatan rendah telah juga ditawarkan pinjaman pada kadar faedah yang rendah dan dibenarkan membayar balik pinjaman itu secara beransur-ansur supaya membantu mereka membeli rumah-rumah kos rendah. Akan tetapi skim yang sama tidak dilaksanakan di kawasan perindustrian di mana tiadanya peruntukan bagi mendirikan kilang-kilang teres yang berkos rendah, di antara 2,000 kaki persegi hingga 3,000 kaki persegi bagi IKS.

Sebenarnya terdapat permintaan yang besar untuk kilang-kilang ini, oleh kerana permintaan adalah tinggi untuk bahagian-bahagian perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh IKS daripada penduduk-penduduk tempatan dan industri-industri besar. Oleh kerana tiada penawaran-penawaran tanah atau premis yang berkos rendah, ramai di antara pemilik-pemilik IKS terpaksa mengendalikan perniagaan mereka di premis-premis yang tidak dizonkan untuk maksud perindustrian. Umpamanya, mereka sering mengendalikan perniagaan mereka di rumah-rumah kediaman, kedai-kedai, tanah pertanian, kawasan-kawasan terbuka yang dimiliki oleh Kerajaan, tanah-tanah rizab-rizab jalan dan lain-lain tanah rizab yang dimiliki oleh KTM, LLN, Jabatan Parit dan Taliair dan lain-lain,

Apa yang aneh, Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa Majlis-majlis Tempatan tahu akan wujudnya IKS ini tetapi tidak

sedia mengeluarkan lesen-lesen perniagaan kepada mereka, oleh kerana mereka itu ditempatkan di kawasan yang tidak dizonkan untuk kegunaan perindustrian, sungguhpun pemilik-pemilik IKS mahu memiliki lesen-lesen perniagaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kadar perindustrian negara dipercepatkan, lebih banyak industri lagi, industri asing mahupun tempatan akan ditubuhkan. Begitu juga bilangan IKS akan bertambah, walaupun tiada perangkaan yang tepat mengenai bilangan IKS di negara ini. Namun, bolehlah kita menganggarkan bahawa bagi setiap IKS, mengikut undang-undang terdapat dua atau lebih IKS yang tidak memiliki lesen dan justeru itueadalah haram.

Tuan Yang di-Pertua, akibatnya tidak,adanya peruntukan zon-zon perindustrian yang sah bagi IKS, maka timbul masalah IKS yang lain, yang berkait. Di antara masalah-masalah ini adalah seperti yang berikut:

- (1) Mereka (IKS) merasa tidak selamat, no sense of security , dengan izin, oleh kerana mereka khuatir mereka boleh diusir dari tempat-tempat yang sedia ada pada bila-bila masa.
- (2) Mereka tidak sedia membeli mesin yang lebih baik dan baru bagi mempertingkatkan mutu barang-barang atau perkhidmatan -perkhidmatan mereka lantaran daripada masalah ini; implikasi itu Tuan Yang di-Pertua, barang-barang

mereka tidak ada kualiti dan tidak ada kos kompetitif untuk kilang-kilang besar.

- (3) Mereka tidak boleh menggunakan premis mereka sebagai cagaran untuk memperolehi pinjaman bank atau institusi-institusi kewangan, oleh kerana premis ini atau tanah ini tidaklah di hakmiliki oleh mereka.
- (4) Mereka sering, tidak dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan awam dan prasarana atau infrastruktur yang asas.
- (5) Tambahan lagi, IKS yang haram amat sukar dikawal atau diuruskan oleh pihak-pihak yang berkuasa. Banyak di antara IKS ini adalah punca bahaya kebakaran, masalah alam sekitar, kesesakan jalan dan sebagainya.

Tuan Yang di-pertua, sungguhpun banyak di antara IKS ini adalah haram, namun mereka banyak menyumbangkan kepada penjanaaan kekayaan dan pekerjaan di negara ini. Justeru itu, mereka memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi negara. Memandangkan kepada hakikat ini, Kerajaan harus mengambil tindakan yang positif dan segera untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh IKS ini.

Pada pendapat saya IKS ini tidak boleh diarah untuk menghentikan operasi mereka begitu sahaja atau memindahkannya tanpa menawarkan tempat-tempat lain bagi mereka.

Suatu kajian yang komprehensif tentang IKS yang haram harus dibuat dan hanya mereka yang didapati membahayakan alam sekitar

sahaja harus diarah berhenti.

IKS yang lain harus dibenarkan meneruskan sesuatu usaha atau strategi yang menyeluruh untuk dilaksanakan. Umpamanya, IKS yang tidak merbahaya seperti kilang kain, elektronik dan pemasangan alat-alat-permainan kanak-kanak dan sebagainya harus dibenarkan di rumah-rumah kediaman.

Bagi IKS yang kini tertumpu di satu-satu kawasan tertentu, pihak berkuasa harus menimbang menzonkan semula kawasan ini untuk IKS. Dengan cara yang begini, kilang-kilang ini akan disahkan dari sisi undang-undang

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya tindakan ini banyak faedah boleh diperolehi, di antaranya adalah seperti berikut:

- (1) Majlis-majlis Tempatan boleh mendapat faedah dengan mengeluarkan lesen-lesen perniagaan dan mengutip bayaran serta cukai pintu dari premis-premis yang digunakan untuk IKS.
- (2) IKS dapat dikawal dengan lebih rapi di bawah peraturan-peraturan yang sedia diadakan oleh Majlis-majlis ini.
- (3) Kerajaan Negeri boleh juga mendapat hasil melalui pertukaran kegunaan tanah atau dengan izin, land use conversion, dan dalam bentuk cukai tanah yang lebih tinggi berbanding dengan keadaan sekarang ini di mana Kerajaan Negeri dan penguatkuasa terapatan tidak dapat apa juga pendapatan.
- (4) IKS yang dahulunya haram, kini akan berusaha memodenkan

dan mengembangkan operasi mereka, oleh kerana mereka sekarang telah menjadi industri-industri yang sah dari sisi undang-undang. Mereka akan didorong untuk memperolehi teknologi yang baru dan mesin yang lebih canggih supaya mereka akan menjadi lebih berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan boleh juga menyediakan tanah untuk dizonkan sebagai kawasan perindustrian khasnya untuk IKS. Dalam hal ini, Kerajaan boleh membina kilang-kilang teres yang berkos rendah untuk dijual atau disewakan kepada IKS. Pinjaman yang faedahnya rendah serta syarat-syarat bayaran balik yang longgar harus juga ditawarkan kepada IKS yang haram agar menggalakkan mereka bertapak semula.

Satu kemungkinan lagi ialah bagi pertubuhan-pertubuhan perdagangan atau kumpulan-kumpulan industri membuat permohonan kepada Kerajaan Negeri bagi pihak ahli-ahlinya untuk penukaran tanah pertanian kepada kegunaan perindustrian. Supaya kos penukaran ini dapat diturunkan bagi IKS, Kerajaan Negeri harus mengecualikan mereka itu daripada pembayaran premium dan lain-lain jenis bayaran semasa membuat pertukaran ini. Dengan cara yang begini, tanah yang lebih murah dapat ditawarkan kepada IKS.

Bagi kilang-kilang yang terletak di kawasan yang tidak boleh dizonkan semula untuk industri, IKS yang haram harus diberikan masa yang mencukupi untuk menempatkan, semula di satu kawasan perindustrian yang baru. Penempatan, semula kilang-kilang yang haram ke kawasan-kawasan perindustrian yang baru memerlukan prasarana yang asas, dana dan sumber-sumber manusia yang diperlukan untuk pembinaan prasarana ini adalah begitu besar hingga terlampau membebankan Kerajaan Negeri atau Majlis-majlis Tempatan.

Oleh yang demikian, saya ingin merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya membantu Kerajaan-kerajaan Negeri atau Majlis-majlis Tempatan atau pemaju-pemaju swasta dalam hal ini dengan memberi peruntukan wang bagi pembinaan prasarana untuk IKS. Di sini saya ingin menerangkan bagaimana kita membantu IKS tempatan, iaitu saham-saham yang, dimiliki oleh warganegara Malaysia tidak kurang daripada 70% iaitu untuk IKS tempatan, bukan untuk IKS asing.

Tuan Yang di-Pertua, satu-lagi perkara yang saya ingin

bangkitkan adalah, berkait, dengan masalah kekurangan tenaga buruh. Lantaran daripada pelaburan yang pesat, negara kita kini sedang menghadapi pasaran buruh yang agak ketat. Bilangan pekerja yang mahir dan ahli-ahli teknik yang dikeluarkan oleh institusi-institusi pendidikan dan latihan di kedua-dua sektor awam dan swasta masih belum memadai untuk memuaskan permintaan oleh industri. Walaupun kita perlu merancang langkah-langkah jangka panjang untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga yang mahir ini, namun langkah-langkah jangka pendek dan pertengahan harus juga diambil.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengesyorkan di antara beberapa langkah lengkap jangka pendek dan jangka pertengahan:

- (a) Pihak majikan khususnya majikan swasta haruslah digalakkan membayar gaji yang lebih tinggi tetapi kenaikan gaji ini harus setimpal dengan kenaikan dalam daya pengeluaran para pekerja. Kenaikan dalam gaji akan menarik balik rakyat Malaysia yang telah berhijrah ke negara-negara lain. Pada masa yang sama, lain-lain syarat perkhidmatan harus juga diperbaiki. Contohnya, kemudahan yang dibiayai, alam sekitar yang lebih baik di tempat kerja dan sebagainya. Kenaikan gaji yang setimpal dengan kenaikan dalam daya pengeluaran penting bagi memastikan kos pengeluaran per unit barang yang dikeluarkan tidak meningkat. Ini seterusnya adalah bagi **mempetahankan** kebolehan saing ekonbmi negara kita.

- (b) Lebih ramai wanita harus digalakkan menyertai tenaga buruh. Buat masa ini peratus wanita yang telah menyertai tenaga buruh walaupun telah meningkat, masih belum memuaskan lagi. Untuk mencapai matlamat ini, para majikan harus digalakkan menyediakan lebih banyak lagi pusat-pusat asuhan kanak-kanak di tempat-tempat kerja mereka. Dalam hal ini, saya mengalu-alukan galakan atau insentif fiskal yang telah ditawarkan dalam Belanjawan 1994 oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan bagi pembinaan lebih banyak pusat-pusat asuhan ini. Galakan seumpama ini adalah kena pada masa dan tempatnya dan pasti akan membawa kepada pembinaan lebih banyak lagi pusat-pusat asuhan ini. Dengan adanya pusat-pusat ini, lebih ramai wanita yang sebelum itu dihalang oleh ketiadaan kemudahan untuk menjaga anak-anak mereka boleh keluar menceburkan diri dalam pasaran buruh.
- (c) Pihak majikan harus kena melanjutkan tempoh bekerja pekerja-pekerja yang berumur 55 tahun tetapi adalah berkualiti tinggi untuk beberapa tahun lagi atas kontrak setahun demi setahun. Dengan izin, re-employ the retired experts.
- (d) Sebagai suatu langkah sementara, Kerajaan harus membenarkan firma-firma menggarabil pekerja-pekerja yang

mahir dan ahli-ahli ikhtisas dari luar negeri sekiranya firma-firma ini menghadapi masalah kekurangan tenaga buruh khususnya tenaga mahir seperti ini. Dalam hal ini Jabatan Imigresen harus bersikap liberal dalam pengeluaran permit-permit kerja untuk tenaga mahir asing itu.

- (c) Di kawasan-kawasan perindustrian khasnya yang baru, hostel-hostel atau asrama-asrama bagi pekerja-pekerja harus dibina oleh Kerajaan atau pemaju sama ada untuk dijual atau disewakan kepada pemilik-perailik kilang bagi memberikan tempat penginapan kepada pekerja-pekerja mereka. Juga permit-permit untuk bas kilang harus juga dikeluarkan dengan liberal supaya terdapat lebih banyak bas ini bagi mengangkut pekerja-pekerja dari dan ke tempat bekerja.
- (f) Firma-firma-juga harus digalakkan dengan insentif-insentif fiskal, lebih menggunakan jentera dan lebih mengamalkan automation. Ini akan mengurangkan pncnggantungan firma-firma ini ke atas tenaga buruh sejauh mungkin. Firma-firma harus digalakkan bertukar dari industri-industri yang berintensif buruh ke industri berteknologi tinggi dan nilai tambahannya lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya sekali lagi ingin mengulangi sokongan saya bagi Rang Undang-undang:bertajuk suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan

untuk perkhidmatan bagi tahun 1994 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Johan B.O.T Ghani.

4.49 ptg.

Tuan Johan ,B.O.T. Ghani: @ Christopher: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut sama untuk ~~membahas~~ dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1994 yang telah dibentangkan , oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita baru-baru **ini**.

Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita selaku Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan yang begitu memberangsangkan .Belanjawan ini juga boleh dikatakan sebagai,Belanjawan yang terbaik di dalam sejarah Malaysia.

Saya juga berharap agar segala kemajuan yang dirancang di dalam Belanjawan ini dapat dirasakan oleh seluruh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seluruh rakyat Malaysia berbangga dengan kemajuan dan pembangunan yang telah dicapai oleh negara kita. Kalau dahulu kita tidak termimpi untuk membuat kereta tetapi sekarang di bawah pimpinan Perdana Menteri kita dan barisan Kabinetnya, kita telah mampu untuk membuat bukan sahaja kereta malah kapal terbang yang boleh digunakan sebagai tujuan komersil.

Ini merupakan satu kemajuan yang mengagumkan, yang jarang dapat dilakukan oleh negara-negara dunia ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya pembangunan dan kemajuan yang dicapai oleh negara tidak dirasakan oleh seluruh rakyat Malaysia, ketika seluruh perhatian dunia terpegun dengan kepesatan pembangunan di Malaysia, masih terdapat banyak lagi rakyat terutamanya dari negeri Pembangkang seperti Sabah yang masih hidup dalam keadaan yang daif dan menyedihkan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kedatangan UMNO ke Sabah, sedikit-sebanyak ia telah dapat memberi perubahan yang diharap-harapkan oleh

rakyat Sabah. Tetapi walau bagaimanapun; perubahan ini masih tidak dapat menyelesaikan sepenuhnya masalah yang dihadapi oleh rakyat Sabah. Masih terdapat banyak lagi masalah yang perlu ditangani seperti masalah elektrik, projek perumahan rakyat termiskin, jalan kampung dan air yang perlu diselesaikan.

Walau bagaimanapun, segala permasalahan ini adalah kebanyakannya di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, tetapi sekiranya Kerajaan Negeri tidak mampu menyelesaikannya, diharap pihak Kerajaan Pusat dapat mengambil perhatian yang serius. Ini adalah untuk menjaga dan memajukan kepentingan rakyat Malaysia di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Mohd. Tajol Rosli telah datang untuk merasmikan Projek Bekalan Elektrik yang menggunakan tenaga solar di Medahan, Kimanis. Projek yang berharga RM1.3 juta ini boleh menampung keperluan elektrik untuk 30 hingga 40 buah rumah dengan harga RM1.3 juta ini adalah lebih murah dari penggunaan generator diesel. Ini diakui sendiri oleh Timbalan Menteri.

Kita masih mengambil pendekatan yang sesuai dengan mengambil kira kos pembinaan dan kesan ke atas alam sekitar. Di atas sebab-sebab inilah, saya percaya penggunaan elektrik yang dibekalkan dari kuasa solar, kuasa suria ini amat sesuai untuk rakyat Sabah memandangkan taburan penduduknya yang luas dan jarak di antara kampung adalah berjauhan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos juga mengakui bahawa kos penghantaran elektrik di Sabah adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan negeri di Semenanjung di atas sebab taburan penduduknya yang

luas. Beliau juga mengatakan bahawa Lembaga Letrik Sabah mengalami banyak kerugian, walaupun ia hanya menampung kos operasi generator kecil diesel sementara Kerajaan Persekutuan menampung dari segi kos pembinaannya. Hingga setakat ini, kalau saya tidak silap, Lembaga Letrik Sabah mengendalikan 33 buah stesen luar bandar dan ini amat membebankan mereka sekiranya kesemuanya menggunakan tenaga diesel. Dengan penggunaan generator yang menggunakan tenaga solar ini diharap dapat mengurangkan beban kos operasi yang dihadapi oleh Lembaga Letrik Sabah. Di samping itu, ia juga tidak mencemar alam sekitar, kerana ia tidak mengeluarkan sebarang asap.

Satu perkara yang amat dialu-alukan oleh semua pihak di dalam Anggaran Belanjawan ini adalah penubuhan Bank Perumahan. Dengan tertubuhnya bank yang seperti ini diharap ia dapat memberi kemudahan kepada rakyat untuk memiliki rumah sendiri.

Walaupun bank ini pada umumnya hanya memberi kemudahan kepada pemaju perumahan sahaja, tetapi jika dikaji ke atas aspek yang lebih mendalam, ia juga menguntungkan pembeli:

- (i) dengan Bank Negara memberi kadar bayaran faedah yang nominal, pihak pemaju tidak akan tertekan di dalam pembuatan rumah-rumah kos rendah ini;
- (ii) mutu rumah. yang dibina juga diharapkan lebih baik kerana pihak pemaju tidak akan tertekan dengan kos bayaran faedah pinjaman yang tinggi; dan

- (iii) rumah-rumah ini dijamin siapnya dan pembeli tidak perlu bimbang akan projek terbengkalai lagi.

Dengan komponen perumahan sebanyak RM300 juta, kita berharap agar perkhidmatan yang baik ini akan dapat dinikmati oleh rakyat dengan secepat yang mungkin demi untuk memberikan keselesaan kepada rakyat yang begitu berkehendakkan untuk memiliki rumah sendiri.

Ia juga diharap agar mengurangkan kawasan setinggan yang semakin banyak timbul di bandar-bandar besar. Ini adalah kerana kebanyakan mereka yang tinggal di kawasan setinggan merupakan mereka yang tidak mampu untuk menyewa di kawasan perumahan yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga Disember 1992, terdapat sebanyak 118 projek perumahan yang masih terbengkalai, yang membabitkan 18,786 pembeli. Ianya telah menyebabkan kesan yang amat dalam ke atas pembeli-pembeli yang kebanyakannya masih menyewa rumah yang didiami sekarang. Ini telah memberi kerugian yang amat banyak ke atas pembeli-pembeli rumah tersebut.

Sehingga setakat ini, seperti yang telah kita ketahui, terdapat sebanyak 101 projek pemuliharaan perumahan terbengkalai telah diluluskan, tetapi sebanyak 56 projek masih belum dimulakan lagi. Apakah yang menjadi punca kelewatan ke atas 56 projek tadi? Adakah kita masih mahu melihat rakyat kita yang menjadi pembeli menderita akibat kerana birokrasi? Tujuan utama di dalam pemuliharaan projek-projek perumahan terbengkalai adalah untuk menolong rakyat yang kebanyakannya dari golongan sederhana untuk, membeli

rumah, tetapi. dengan mengambil masa yang panjang dalam memulakan sesuatu projek, ini juga memberi kesan yang negatif kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada projek perumahan terbengkalai, Kerajaan juga harus mengambil kira mengenai projek perumahan rakyat termiskin. Kebanyakan rakyat Sabah tinggal di rumah-rumah yang amat menyedihkan, kebanyakan mereka yang daif dan miskin menyebabkan keadaan rumah mereka teruk. Cara hidup seperti ini menyebabkan mereka terdedah terhadap bahaya dan penyakit.

Peruntukan sebanyak RM3,750 untuk setiap rumah yang dilancarkan dua tahun lepas, tidak lagi mencukupi untuk membina rumah-rumah. Ini memandangkan harga bahan-bahan pembinaan telah meningkat. Sekiranya dua tahun lepas kita mampu untuk membina rumah dengan kos sebanyak RM3.750, sekarang duit sebanyak itu tidak lagi dapat membina rumah dengan sempurna akibat kos binaan yang begitu tinggi di Sabah pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya memohon mecadangkan agar pihak Kerajaan dapat menaikkan kadar ini ke tahap RM4,500. Kalau akhir-akhir ini kita telah mendengar banyak terjadi kes bangunan-bangunan runtuh akibat kecuaiannya pembinaan, di masa akan datang saya tidak mahu mendengar rumah-rumah yang didirikan melalui Projek PPRT runtuh akibat kekurangan modal untuk membeli bahan-bahan tersebut.

Selain dari masalah elektrik dan rumah, rakyat Sabah juga menghadapi masalah jalan-jalan raya yang menghubungkan antara kampung ke kampung dan bandar ke bandar. Kebanyakan jalan-jalan di Sabah adalah terlalu mundur sekiranya dibandingkan dengan jalan-jalan di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, jalan-jalan raya Persekutuan di Sabah tidak begitu selamat digunakan, terutama sekali jalan raya Papar ke Beaufort. Kebanyakan jalan-jalan raya ini digunakan untuk mengangkut kayu balak dan juga kebanyakan syarikat-syarikat dan pemandu-pemandu lori memuatkan muatan berlebihan sehingga jalan-jalan ini menjadi rosak teruk. Apabila jalan-jalan ini rosak, maka pihak pengkritik menyalahkan kepada Kerajaan Pusat. Oleh yang demikian, saya berharap pihak Kementerian Pengangkutan Jalan hendaklah mengambil tindakan terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab ini.

Untuk meningkatkan ekonomi negeri Sabah, Kerajaan seharusnya memajukan infrastruktur agar ini boleh menggalakkan pelabur-pelabur datang untuk melabur di Sabah. Jalan merupakan aset infrastruktur yang paling penting, kerana tanpa jalan yang sempurna,

pelabur-pelabur tidak akan datang melabur di Sabah. Tanpa kehadiran pelabur-pelabur luar ini, pendapatan negeri Sabah tidak akan meningkat. Dengan seluruh negara giat membangun infrastruktur untuk menggalakkan pelabur asing datang melabur ke negara kita, kami di Sabah juga tidak mahu ketinggalan. Kami tidak mahu menjadi negeri yang mundur di dalam sebuah negara yang maju pada tahun 2020 nanti. Oleh itu, sekiranya Kerajaan Negeri yang dikuasai oleh PBS tidak mampu untuk memajukan negeri, diharap pihak Kerajaan Persekutuan mengambil perhatian demi kemajuan rakyat Malaysia di Sabah itu sendiri.

Masalah utama di Sabah adalah untuk mendapatkan bekalan air bersih. Setiap tahun tiba musim kemarau, rakyat Sabah menghadapi masalah yang sama, iaitu **air**. Walaupun bekalan air terletak di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat tidak ada kuasa untuk bekalan air itu di dalam pembangunannya, tetapi tidakkah boleh Kerajaan Pusat sekiranya Kerajaan Negeri tidak mampu untuk mengatasinya terutama di kawasan luar bandar, mengambil alih ini demi untuk kepentingan rakyat di Sabah? Kalau saya tidak silap, sewaktu PBS berada di dalam Barisan Nasional dahulu, ada satu projek yang telah diberikan kepada Syarikat Antah BiWater untuk menyempurnakan penyambungan saluran bekalan air di Sabah. Sabah telah menjalankannya, tetapi malangnya projek yang bernilai RM1.5 juta yang diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri masih tidak dapat dinikmati oleh penduduk tempatan, khususnya penduduk di Sabah yang tinggal di luar bandar. Sepanjang yang saya ketahui, projek ini telah sampai ke tepi jalan di kampung-kampung, tetapi

jalan ini untuk pergi ke kampung-kampung dan seterusnya ke rumah-rumah masih belum dapat dilaksanakan lagi. Sampai bilakah rakyat Sabah perlu menunggu untuk mendapatkan bekalan air bersih? Sampai bilakah rakyat di Sabah perlu mendapatkan bekalan air dari perigi-perigi persendirian, sedangkan rakyat di negeri lain walau di ceruk mana pun mereka duduk sudah mendapat bekalan air paip yang bersih?

Tuan Yang di-Pertua, penswastan AC-5 adakah masalah ini berpunca daripada ketidakupayaan pengurusan Kerajaan PBS di dalam pentadbiran Sabah. Baru-baru ini Kerajaan PBS telah menswastakan AC-5 kepada Lion Group dengan harga RM500 juta, di mana RM176 juta berbentuk wang dan selebihnya berbentuk sekuriti. Walaupun jual-beli ataupun transaksi AC-5 ini akan hanya berakhir pada tahun 2000, tetapi pihak Kerajaan Negeri Sabah, PBS, telah memasukkan angka penjualan dan pembelian saham ke dalam Belanjawan 1994. Adakah ini salah satu cara Kerajaan di dalam mengabui mata rakyat Sabah atau menunjukkan kebodohan mereka di dalam mengendalikan sesuatu akaun. Di dalam akaun itu juga menunjukkan wang yang masuk ke dalam akaun Kerajaan hasil daripada transaksi ini adalah RM545 juta. Dari manakah datangnya nilai RM545 juta ini, sedangkan harga jualan hanya RM500 juta? Perkara sebegini perlu dijelaskan oleh pihak Kerajaan Negeri Sabah, demi untuk mengelakkan daripada kekeliruan di kalangan rakyat.

Menteri Kewangan Sabah telah gagal menjawab soalan mengenai hasil yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Sabah hasil daripada transaksi ini, Adalah difahamkan bahawa Kerajaan Sabah telah mengalami sebanyak RM456.7 juta berasaskan daripada fakta berikut:

Jumlah ekuiti oleh Kerajaan Negeri - RM388.20 juta; jumlah pinjaman kepada AC-5 - RM551.4 juta; jumlah royalti yang dibatalkan - RM17 juta; jumlah kecil - RM956.74 juta, ditolak harga jualan, tinggal RM500 juta. Jumlah kerugian RM456.74 juta.

Di dalam ucapan Menteri Kewangan Sabah juga jelas menunjukkan bahawa negeri Sabah telah jauh tertinggal berbanding dengan negeri-negeri lain. Pada tahun 1992, beliau mengatakan ekonomi Sabah telah berkembang pada kadar yang tinggi, iaitu 7.5%. Adakah kadar ini tinggi jika dibandingkan dengan kadar pertumbuhan ekonomi negara? Beliau juga mengjangkakan kadar pertumbuhan ekonomi bagi tahun 1993 adalah 3.0% dan ia akan meningkat ke 3.5% bagi tahun 1994. Ini jelas menunjukkan bahawa pada tahun ini dengan kadar inflasi yang melebihi 3%, negeri Sabah telah mengalami pertumbuhan ekonomi sebenar yang negatif atau dengan kata lain, taraf ekonomi penduduk Sabah telah menurun. Pada tahun 1994, dengan anggaran pertumbuhan ekonomi Sabah 3.5% dan kadar inflasi sebanyak 3.4%, menjelaskan bahawa pertumbuhan ekonomi sebenar negeri Sabah adalah pada paras 0.1%. Nilai ini belum ditalak atas kesilapan pihak Kementerian Kewangan Sabah yang telah memasukkan isu penswastan AC-5 yang transaksinya hanya kadar berakhir pada tahun 2000. Sekiranya ini ditolak, kemungkinan Sabah sekali lagi akan mengalami pertumbuhan ekonomi sebenar yang negatif seperti pada tahun ini.

Di dalam perbincangan Belanjawan negeri Sabah, Menteri Kewangan Sabah telah gagal untuk menjawab soalan yang berkaitan dengan hasil sebenar Kerajaan Negeri bagi tahun 1994 dan angka pertumbuhan ekonomi Sabah berserta dengan angka inflasi dan juga mengenai penswastan AC-5. Saya difahamkan bahawa ada syarikat-syarikat lain seperti syarikat Medist yang telah memberi tawaran yang lebih menarik dan boleh dikatakan di antara yang boleh menjaga kepentingan Sabah dan isu penswastan AC-5. Sekiranya terdapat ada perkara-perkara yang disembunyikan dan menyalahi undang-undang, diharap pihak BPR perlu menyiasat supaya ia dapat memberikan gambaran yang lebih jelas kepada rakyat Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan, segala masalah di Sabah adalah disebabkan oleh ketidakupayaan pihak Kerajaan mentadbir negeri itu. Kebanyakan mereka lebih mementingkan kebendak politik mereka sendiri. Di sinilah sekali lagi saya ulangi, sekiranya Kerajaan Negeri Sabah tidak dapat mewujudkan infrastruktur di negeri Sabah seperti air, maka diharap Kerajaan Pusat dapat memberi perhatian yang serius demi untuk kesejahteraan rakyat Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Belanjawan 1994.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Sri Sarasa.

5.11 ptg.

Puan Sri Sarasa Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1994.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Bekalan B.26 peruntukan yang terbesar sekali iaitu RM7 bilion adalah disediakan untuk Kementerian Pendidikan - untuk kerja pembangunan dan pengurusan. Saya mengalu-alukan peruntukan ini kerana pendidikan adalah punca kemajuan. Tetapi saya ingin menarik perhatian Kementerian kepada beberapa perkara yang membimbang hati di dalam bidang pendidikan.

Yang pertama, dari segi kemudahan fizikal. Mengikut laporan, jumlah pelajar sekolah telah bertambah dan Kerajaan perlu membiayai 135 sekolah baru. Pada masa sekarang, seramai 45 hingga 50 pelajar diisi dalam satu bilik darjah. Memandangkan kesesakan yang dihadapi dalam bilik darjah sekarang, adakah Kerajaan bercadang untuk mengubahsuaikan bentuk bangunan sekolah dan saiz bilik darjah pada masa hadapan?

Di samping itu, saya memohon juga supaya keselamatan bangunan-bangunan sekolah yang dibina disiasat dengan secepat mungkin. Setahu saya ada bangunan sekolah, di mana terdapat retakan sebelum bangunan itu dibuka dengan rasminya. Ada juga sekolah yang terbina atas bukit.

Yang kedua, dari segi pentadbiran peperiksaan awam. Dalam tahun-tahun yang lepas, kes-kes kebocoran kertas soalan berlaku di beberapa tempat. Yang lebih keciwa lagi ialah terdapat banyak kesalahan dalam soalan-soalan peperiksaan dan juga cetakan kertas soalan. Guru-guru pengawas dikehendaki menggunakan lebih masa untuk membetulkan kesalahan dalam kertas soalan. Sebenarnya, keadaan seperti ini menambahkan lagi perasaan tegang di dewan peperiksaan. Saya harap, Lembaga Peperiksaan dapat mengelakkan perkara-perkara ini pada tahun hadapan. Faktor kerahsiaan adalah mustahak dalam penyediaan percetakan kertas soalan dan pentadbiran peperiksaan. Dengan izin, conscience and confidentiality adalah penting untuk menjaga imej dan keyakinan terhadap sistem pendidikan negara. Berkaitan dengan soal pendidikan Moral, Kepimpinan Melalui Teladan akan membuat mata pelajaran ini lebih berkesan di kalangan pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang ketiga adalah berkenaan dengan pelajar-pelajar dalam kelas peperiksaan PMR, SPM dan STPM. Mengikut polisi Kerajaan pelajar-pelajar dibenarkan meneruskan pengajian hingga ke Tingkatan Lima tanpa sekatan. Tetapi saya difahamkan bahawa bukan semua pelajar yang menduduki peperiksaan PMR dibenarkan naik ke Tingkatan Empat pada tahun ini. Bolehkah Kementerian Pendidikan menjelaskan perkara ini? Saya juga ingin

tahu apakah perbezaan dalam prestasi pelajar selepas SRP ditukarkan menjadi PMR? Pelajar-pelajar Tingkatan Lima pula ramai yang tidak dapat meneruskan pelajaran dan ada juga yang menghadapi pengangguran selepas tamat sekolah. Saya cadangkan supaya masa di antara peperiksaan SPM dengan menunggu keputusan peperiksaan digunakan untuk memberi latihan atau bimbingan kerjaya dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Tingkatan Enam atau pendidikan pra-universiti, saya rasa peringkat ini tidak diberi kepentingan yang sama berat seperti di Tingkatan Tiga dan di tingkatan Lima. Saya difahamkan bahawa kebanyakan kelas Tingkatan Enam ini menghadapi kekurangan guru-guru yang terlatih, kemudahan yang lengkap dan panduan yang sempurna. Pelajar-pelajar ini perlu dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan untuk menghadapi pengajian di universiti tempatan atau luar negeri. Sebaliknya, mengikut kenyataan Yang Berhormat Menteri Pendidikan, pelajar-pelajar kita di universiti luar negeri tidak dapat memenuhi syarat-syarat kelulusan yang dikehendaki. Pelajar-pelajar kita juga kurang mahir dalam bahasa Inggeris - satu matapelajaran yang mustahak untuk membuat rujukan dan penyelidikan di pusat pengajian tinggi. Saya harap Kementerian Pendidikan dapat memberi galakan kepada pelajar-pelajar yang dapat menguasai bahasa Inggeris, khasnya di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya bersetuju dengan cadangan untuk mewujudkan sistem kenaikan pangkat dalam perkhidmatan. Tetapi adakah Kementerian sedar bahawa ada guru-guru siswazah baru yang menolak tugas-tugas yang diberi oleh Pengetua dengan alasan mereka tidak berpengalaman dalam bidang itu? Bilakah guru-guru ini akan mendapat pengalaman kalau mereka menolak tanggungjawab yang diberi? Dari itu, guru-guru bukan siswazah di-bebankan dengan berbagai tugas dan juga dipaksa mengajar kelas menengah rendah dan menengah atas di sesetengah sekolah, kerana mereka ini lebih berpengalaman. Tetapi mereka diketepikan apabila sampai masa kenaikan gaji atau pangkat. Mereka tidak mempunyai kelulusan yang dikehendaki, iaitu ijazah atau, dengan izin, paper qualification. Saya harap Kementerian Pendidikan akan mengkaji keadaan di sekolah-sekolah dan memastikan supaya pengagihan tugas-tugas dan penilaian prestasi dijalankan dengan adil.

Sekian, terima kasih dan dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1994.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Rashid bin Ismail.

5.18 ptg.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi sedikit pandangan terhadap Rang Undang-undang Perbekalan, 1994 ini.

Pertamanya, saya hendak bercakap mengenai Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat kerana ia berkait dengan banyak Kementerian-kementerian lain. Jelas kelibatan bahawa masalah yang kita hadapi sekarang ini ialah bagaimana kita hendak membangunkan

sebuah masyarakat yang penuh dengan tanggungjawab. Kita melaksanakan program-program seperti kursus dan sebagainya, dan kesan yang jelas kelihatan ialah banyak perkara-perkara yang lebih merumitkan bangkit apabila negara sudah maju sejak beberapa tahun. Biasanya kalau kita bandingkan masalah pembangunan ini dengan bangunan-bangunan yang canggih, cantik dan indah, jelas kelihatan bahawa kita telah berjaya dalam membangunkan bangunan-bangunan yang indah dan cantik ini.

Masalahnya ialah, terdapat peratus yang banyak manusia-manusia yang berada dalam bangunan-bangunan ini tidak terbangun dan sebab itulah kita dapati bahawa Kementerian ini harus memainkan peranan yang penting sebagai tugas yang telah diberi kepadanya. Mungkin pada orang lain, ianya tidak melihat bahawa pentingnya pembangunan masyarakat ini.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan bahawa Kementerian ini juga menggunakan badan-badan sukarelawan seperti NGO dan juga badan-badan belia dan sebagainya bagi menentukan peruntukan-peruntukan yang tertentu khususnya masyarakat dalam bandar ini supaya mereka dapat meningkatkan generasi kita yang akan mewarisi pimpinan pada masa hadapan.

Kita juga merasa sedih di atas beberapa perkara yang berlaku baru-baru ini termasuklah runtuhnya bangunan di Hulu Kelang itu, tetapi ini menjadikan satu pengajaran kepada kita dan kita merasakan bahawa pembangunan di atas lereng-lereng bukit ini haruslah diambil perhatian yang serius oleh Kerajaan, terutama sekali Kerajaan Tempatan. Ini melibatkan semua badan dan menentukan supaya bangunan-bangunan ini terjamin dan orang-orang yang melibatkan diri dalam pembangunan ini bertanggungjawab, bukan hanya mengautkan keuntungan sahaja. Kalau ini tidak diberi perhatian, sudah tentulah kita akan menghadapi masalah di masa hadapan.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan Tempatan, dalam meluluskan pelan-pelan pembangunan yang tinggi di lereng-lereng bukit ini yang juga melibatkan masalah alam sekitar dan juga masalah yang berlaku

hari **ini**, ambil serius terhadap semua pembangunan **ini**. Sudah tentulah ia akan membawakan satu keadaan yang baik dan terjamin sebagai rakyat Malaysia ini.

Kedua ialah masalah Kementerian Kesihatan yang saya lihat diberi peruntukan sebanyak RM2 bilion. Ini adalah satu peruntukan yang besar. Selain daripada **itu**, ia juga ada kaitan dengan Kementerian Pendidikan dan sudah tentulah Kementerian Kesihatan ini kalau kita tidak mengadakan peruntukan yang agak besar, terutama sekali orang-orang yang menghadapi kesihatan yang kurang baik dan makanan yang tidak seimbang di desa-desa ini, sudah tentulah ia menjejaskan dalam soal pendidikan **ini**. Yang penting ini, khususnya dalam konteks membentuk pembinaan satu generasi akan datang perlu kalau diambil perhatian dengan saksama, dan diselaraskan. Maknanya kesihatan masyarakat umum ini tidak kurang pentingnya untuk melahirkan satu generasi yang penuh berilmu dan bertanggungjawab. Puncanya adalah soal kesihatan juga harus diberi perhatian.

Terdapat dalam banyak kes jantung, terutama sekali yang **mis-**kin, mereka menghadapi masalah pembedahan jantung ini kerana hospital Kerajaan sudah pun mula hendak diswastakan. Ia juga tidak mempunyai alat-alat yang canggih dan kurang pakar-pakar kardiologi untuk pembedahan. Akibatnya orang-orang yang tidak mampu ini **ter-**paksa menunggu begitu lama. Walaupun kita dapati bahawa banyak pesakit telah dibantu oleh IJM **ini**, tetapi saya berharap bahawa **per-**hatian yang lebih harus diberi kepada pesakit-pesakit yang kurang mampu ini.

Begitu juga dengan pesakit-pesakit buah pinggang yang menghadapi masalah yang sama. Hospital swasta hanya untuk orang-orang

yang mampu. Jadi, termasuk juga ada kes-kes di mana didapati untuk menggunakan dialysis machine ini, bayaran ubatnya yang kadang-kadang sekali guna melebihi RM200. Walaupun kita ada dialysis machine, tetapi untuk hendak menampung perbelanjaan **ini**, kerana penyakit ini bukan kena pada orang kaya sahaja, orang miskin pun ada.

Ada beberapa kes pembedahan jantung yang kita kendalikan baru-baru ini, terdapat orang-orang yang dari kalangan pekerja am atau pekerja buruh dan orang-orang di luar bandar dan mereka ini diletakkan dalam list menunggu itu cukup lama dan kadang-kadang terdapat juga kes-kes yang menunggu ini telahpun meninggal dunia. Walaupun kita kata, sebagai seorang Islam itu ditakdirkan, tetapi sudah tentulah dalam hendak menunggu rawatan ini yang memberi masalah kepada mereka ialah kerana tidak ada wang. Kerajaan harus mengambil serius dalam perkara ini kerana ini melibatkan masyarakat.

Saya mencadangkan supaya Kementerian dengan adanya peruntukan yang besar ini, harus menambahkan kepakaran dan peralatan yang canggih di hospital Kerajaan supaya pesakit jantung dan juga pesakit buah pinggang ini dapat dirawat. Tambah juga mesin dialysis di hospital daerah untuk mengatasi masalah-masalah pesakit buah pinggang ini.

Saya juga ingin mencadangkan supaya peruntukan yang diberi dimanfaatkan sepenuhnya bagi mengatasi masalah pesakit buah pinggang dan juga jantung yang merupakan satu penyakit yang menjadi pembunuh yang juga merbahaya di Malaysia ini.

Satu perkara yang ingin saya katakan juga ialah berkenaan masalah pengambilan gula dan soal kesihatan ini. Saya suka

mengesyorkan juga supaya Kementerian Kesihatan mengadakan kempen supaya jangan menggunakan gula. Kita lihat di Malaysia, purata setiap orang menggunakan gula lebih kurang 38.4 kilogram setahun ataupun 21 sudu sehari. Ini dari segi kajian, berbanding dengan negara-negara lain. Bermakna kedudukan Malaysia kini di tempat yang ketiga tingginya penggunaan gula sesudah Rusia sebanyak 26½ sudu sehari dan Australia sebanyak 26 sudu sehari pada tahun 1970an.

Sekarang **ini**, kalau kita bandingkan dengan Malaysia, dahulunya pada tahun 1970an, sebanyak lebih kurang 17 sudu mengikut kajian dan pada tahun 1974, ia sudah pun meningkat kepada 21 sudu sehari. Jadi ini sumber daripada Sugar Year Book. Saya berharap peranan ini dimainkan....

Timbalan Yang di-Pertua: 21 sudu sehari?

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Satu hari Ya. Ini kajian yang dibuat. Sebab itu disebabkan amalan lebihan gula....

Tuan Hanipah bin Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Ada Ahli Yang Berhormat minta penjelasan. Ya, silakan.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Ya.

Tuan Hanipah bin Ismail: Sudu jenis yang mana satu? [Ketawa]

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Sudu teh Disebabkan amalan lebihan gula dari segi kajian yang terdapat sebanyak 82%.

Timbalan Yang di-Pertua: Dia hendak tahu sama ada sudu camca atau sudu teh?

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Sudu teh.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudu teh.

Tuan Abdul Rashid bin Ismail: Disebabkan amalan ini, maka terdapat juga 82% kanak-kanak berumur 6 sehingga 16 tahun menderita sakit gigi. Antara 1986 hingga 1991, purata sebanyak 2,500 pelajar sekolah menengah membuat gigi palsu baru dalam setahun. Yang paling menggemparkan kita ialah jumlah kematian akibat kencing manis di Semenanjung Malaysia meningkat kepada 433 kes pada tahun 1990 kepada 727 pada tahun-tahun yang berikut.

Ini adalah kira-kira lebih kurang 6% penduduk negara menghidap penyakit kencing manis. Malangnya penyakit yang menyerang penduduk bandar ini sudah pun berubah merebak ke luar bandar dan kita bercadang amalan pemakanan yang menjadi punca penyakit ini haruslah dimainkan oleh Kementerian Kesihatan terutama sekali makanan-makanan yang tidak membawakan kebaikan ini dipamirkan kepada orang-orang kampung dan juga kepada orang-orang bandar dan di peringkat sekolah-sekolah, bahayanya penggunaan gula yang terlalu banyak ini.

Dicadangkan juga Kementerian Kesihatan perlulah menyediakan program yang tersusun dalam kempen tersebut dan juga kempen untuk menentukan dari segi gaya hidup yang mewah, gaya hidup yang menyebabkan amalan pemakanan berubah dan sebagainya. Makanan segera (fast food) ini sekarang ini sudah menjadi satu makanan biasa dan makanan-makanan kosong juga menjadi makanan biasa kepada masyarakat Malaysia - ini hendak tiru cara Barat. Untuk menentukan ini, kita sudah tidak dapat mengawalinya kerana ini ada juga percanggahan dari segi media massa yang memainkan peranan yang sedang merosakkan - dalam kaca-kaca TV. Ini juga perlu diambilkira oleh Kementerian Penerangan.

Dalam bidang pendidikan, Tuan Yang di-Pertua, ialah jumlah yang sebagaimana yang kita tahu juga besar dan peruntukan yang terbesar kepada Kementerian Pendidikan bermaknalah Kerajaan cukup mengambil berat mengenai pembinaan generasi yang akan datang. Perubahan kurikulum ini saya hendak komen juga - menuntut pertumbuhan tugas dan tanggungjawab para pendidik.

Tetapi jika kurikulum ini diubah dengan terlalu kerap maka akan menimbulkan masalah kepada para pendidik apatah lagi kepada orang-orang kampung yang tidak tahu, yang ibu bapanya tidak berapa erti, yang ada di dalam kampung-kampung lagi pening kepalalah.

Sebagai jalan terbaik, saya mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan perlu memahami dengan lebih cepak mengenai keperluan kurikulum yang harus disesuaikan dengan kehendak pimpinan negara. Ini bermakna bahawa Kementerian Pendidikan harus merangka kurikulum yang berasaskan kepada pandangan jauh ke depan yang menjangkau lebih kurang dua tiga puluh tahun dan jika ini boleh dibuat bermakna kurikulum tidak perlu diubah dengan kerap sangat.

Satu fenomena yang paling mengejutkan bilamana terdapat ada di kalangan para pendidik sendiri yang tidak memahami makna dan tujuan pendidikan itu. Hal ini menjadi masalah besar kepada negara. Satu hal lagi ialah terdapatnya percanggahan sebagaimana yang saya sebutkan tadi, pertembungan beberapa Kementerian-kementerian lain yang bercanggah dari segi apa yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan. Seperti iklan-iklan yang disiarkan oleh Kementerian Penerangan yang bercanggah dengan apa yang kita didik di sekolah. Ini juga membawa satu masalah. Dari sepanjang sejarah kita dari berbagai Kementerian, kita dapati Kementerian Penerangan ini merupakan sebuah Kementerian yang seringkali terdedah dengan berbagai-bagai kritikan rakyat yang tidak boleh kita nafikan. Hal-hal ini berlaku disebabkan kerana dalam sebarang bentuk siaran terutamanya dalam media elektronik seperti televisyen telah

banyak menimbulkan kegelisahan di kalangan rakyat terutama berhubung dengan siaran yang bercanggah dengan nilai-nilai Islam dan tradisi. Sebagai contoh terdapat sepertimana iklan susu yang popular adalah bercanggah dengan susu ibu dan iklan yang mengeksploitasikan wanita. Kadang-kadang ada orang seronok juga tetapi kadang-kadang ia memberi kesan yang tidak baik. Iklan tilam Dunlop itu di majalah Anjung Seri di muka surat 115 itu atau filem-filem yang mendedahkan tubuh badan dan sebagainya dilihat oleh anak-anak kita. Kadang-kadang masa yang disiarkan itu, anak kita pun belum tidur. Ini memberikan satu percanggahan dari segi sistem pendidikan kita yang hendak melahirkan masyarakat yang bertanggungjawab, berilmu dan sebagainya. Dan Kementerian satu lagi tidak berapa kisah sangat tentang filem-filem yang mendedahkan gaya hidup yang di luar nilai Islam. Ini juga berlaku.

Jadi, saya suka mencadangkan supaya diselaraskan. Kerana Dasar Pendidikan Negara ini kalau dibuat macam mana baik sekalipun, kalau Kementerian lain bercanggah, maka kita menghadapi masalah. Jadi, Kementerian Penerangan orientasi RTM terutama dalam televisyen tentang fungsi RTM yang ada pada masa sekarang ini iaitu yang berorientasikan komersil perlu diubah kepada orientasi yang bersifat mendidik.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, ialah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Kementerian kita ini harus mengadakan satu garis panduan kepada pelancong terutama sekali masalah pakaian, cara, sikap dan sebagainya. Sebagaimana negara Fiji, ia ada garis panduan kepada pelancong. Jangan kita hendak harap pelancong datang dengan duit banyak, jadi cara mereka berada dalam negara ini tidak ada sekatan-sekatan yang tertentu kerana kita mahu maju sangat, maka bentuk macam mana pelancong yang datang pun kita terima, tidak ada sekatan. Jadi, ini juga melibatkan masyarakat setempat yang berada dalam negara kita, yang bercanggah dari segi sistem pendidikan kita yang ada sekarang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap ini ada ~~nam~~ mempunyai kenyataan yang kita hendak lihat lebih jauh terhadap negara yang hendak maju ke depan. Jadi, pencegahan ini harus jaga dan bagaimanakah Kementerian-kementerian ini hendak bawa dari segi hendak melahirkan generasi yang ada sekarang. Maju macam mana? Kadang-kadang kita terbawa-bawa seolah-olah maju ini kita hendak maju macam negara Jepun ataupun negara Barat. Kita setujuh kepada beberapa perkara yang ada, harus kita tiru iaitu dari segi teknologi mereka, dari segi intelek, cara mereka berfikir dan sebagainya harus kita belajar. Tetapi kesan daripada yang kita lihat ini yang kita harus jaga ialah dari segi kebudayaan mereka. Yang kita lihat berlaku sekarang **ini**, tidak dapat dikawal lagi. Jadi, apabila kita bercakap dalam soal perubahan dan membangun dan menuju ke arah kemajuan, kita

tidaklah bermaksud, saya rasa negara kita tidak bermaksud untuk maju sehingga terdapat di negara-negara maju sekarang ini sehingga tidak ada nilai dari segi pendidikan walaupun ada baik tetapi dalam segi masyarakatnya yang terlalu teruk. Terdapat bapa sudah tidak kenal anak, emak tidak kenal anak, adik tidak kenal bapa dan sebagainya. Walaupun kes rogol kita tidak banyak, tetapi yang dilaporkan hari itu lebih 180 kes - anak, bapa tiri dan sebagainya. Tetapi kes yang tidak dilaporkan kita tidak tahu, berapa banyak. Ini juga satu gejala yang tidak baik. Maka apa yang kita hendak tekankan kepada Kementerian-kementerian ini ialah kita mahu supaya kemajuan itu tidaklah kemajuan yang merosakkan nilai kita, yang merosakkan masyarakat didikan kita di masa depan.

Saya berkata demikian kerana peratus dalam soal-soal penagihan dadah, soal moral dan akhlak sudah meningkat. Ini kajian yang dibuat oleh NGO. Ini bukan saya buat. Bandar-bandar yang telah terbangun sudah pun tidak diberi perhatian dalam soal masyarakat ini. Sebab itu saya tekankan banyak juga khususnya Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Kemajuan Negara ini. Peranan yang dimainkan bukan sekadar hendak adakan program-program tertentu tetapi haruslah mengambil kira setiap masalah masyarakat itu diberi perhatian dan digabungkan tenaga dengan badan-badan lain untuk menentukan bahawa kita ada arah dan tujuan dalam sebuah negara yang maju.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih sekali lagi, saya pun tidak berhajat hendak bercakap panjang. Cuma satu lagi, masalah golf course yang dibangkitkan tadi. Jelaslah bahawa Timbalan Menteri sudah katakan bahawa golf course ini ada kesan negatif juga. Dia kata daripada 77 golf courses yang telah memohon, 2 ditolak, yang kita tahu lebih daripada itu. Tetapi apa yang saya hendak tekankan di sini, golf ini adalah permainan yang baik, tetapi kadang-kadang terlalu banyak golf course ini kerana orang-orang di Malaysia ini tidak ramai yang main golf, habis ramai pun berapa ratus ribu sahaja. Yang kita tahu, tarikan golf course yang begitu lumayan ialah oleh kerana orang-orang Jepun tidak ada tempat hendak bermain golf. Dia hendak bermain golf ini tiga bulan sekali kena 'booking'. Jadi, perbelanjaan hendak datang ke Malaysia untuk bermain golf, cepat dia dapat bermain dan perbelanjaan pun tidak banyak, dia datang ke sini dia main golf semata-mata. Kalaulah dari segi pencemaran alam ada kesannya dalam segi pembinaan padang golf ini, sebab itu saya bertanya berapa kita patut beri golf course dalam Malaysia ini, 200 atau 400? Dia sebut tadi, ribu. Sebenarnya dia silap. Saya kata 200. Dia kata 77.

Saya rasa kalau kita tidak mengambil fakta golf course ini sebagai satu fakta yang telah membuktikan ada pencemaran alam yang harus kita kaji dengan sedalam-dalamnya kerana tidak ramai orang Malaysia main golf. Kalau 18 juta orang, saya ingat 10% pun tidak ada. Kalau pun kita dapat pulangan yang lumayan, duit banyak masuk,

negara maju dan sebagainya, tetapi masalah alam sekitar yang kita hendak hadapi ini, lebih teruk kita hendak belanja nanti, jadi masalahlah. Jadi, sebab itu saya rasa, ini juga Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bukan setakat hendak jawab, tetapi dia harus ada fakta-fakta yang tertentu dan juga memberi penekanan terhadap pembangunan golf ini, dia mesti ada limit-limit yang tertentu untuk menentukan supaya kita tidak kesal pada masa depan.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, ialah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini kita rasakan dasar Kerajaan yang hendak buat rumah murah ini adalah baik, sebab rata-rata kita dapat melihat sungutan daripada orang ramai. Ini saya hendak cakap dalam soal pembangunan rumah kos rendah dalam bandar, seperti George Town, Ipoh, Kuala Lumpur, Johor Bahru dan sebagainya. Kerajaan telah menetapkan bahawa harga RM25.000 ini memanglah untuk hendak tolong orang miskin, pekerja-pekerja buruh, pekerja-pekerja bergaji RM500 ke bawah, pekerja-pekerja kilang dan sebagainya, kerana rumah kos rendah ini begitu 'demand', dengan izin, dalam bandar-bandar ini.

Kita dapati bahawa banyak pembangunan ini berlaku di bandar di mana kalau kita buat perkiraan hendak beri kos rendah ini memang susah, ada subsidi pula. Kalau hendak buat rancangan perumahan di bandar, dia kena ditetapkan syarat 30% rumah kos rendah ini, dia kena keluarkan subsidi. Pelan-pelannya juga dia akan memohon supaya ketumpatannya tinggi, 'blok ratio' dia pun tinggi dan sebagainya. Ini satu kemudahan yang kita beri. Kerajaan buat kelonggaran hendak menentukan rumah kos rendah ini diperolehi oleh orang-orang yang

tertentu, tetapi apa yang terjadi sekarang? Sebab itu saya bertanya sama ada dasar yang kita buat itu dengan pelaksanaan kita ini sesuai ataupun tidak?

Saya biasa tengok di Pulau Pinang, orang yang ada kereta Mercedes pun duduk di rumah kos rendah, mungkinlah yang kedua atau yang ketiga, tak tahulah, tetapi dari segi dasarnya salah. Kita tidak akan dapat menyelesaikan masalah perumahan kos rendah ini. Jadi, apabila pembangunan berlaku, diberinya rumah kos rendah berharga RM25,000 ini masing-masing pakat berebut, kerana ini satu peluang yang cukup baik. Di bandar Pulau Pinang, kawasan saya di Jelutong, mana ada rumah boleh dibeli dengan harga RM25,000 kalau harga tanahnya RM60 satu kaki. Jadi, kena buat, sebab ini satu dasar Kerajaan. Apabila kita agihkan rumah-rumah ini kepada orang ramai, dalam masa 6 bulan terlibatlah dari segi penjualan dan pemindahan, kerana dia hendak cari keuncungan cepat. Jadi, undang-undang tidak boleh menyekat kita. Kalaulah dia kata tidak boleh buat pemindahan sekarang, dia boleh buat under the counter, dia buat satu perjanjian jual-beli dan sebagainya. Memang kalau harga RM25,000 dibina di bandar, dengan secepat mungkin (immediately) kita boleh jual RM50,000 kerana kos tanah dan juga tempat yang terlalu strategik ini cukup 'in demand'.

Saya rasa kalau hitung panjang barangkali 60%-70% rumah-rumah kos rendah yang kita beri kepada golongan berpendapatan rendah yang kita hendak tolong ini, pelaksanaannya gagal. Sebab itu, saya cadangkan tadi supaya Kerajaan kaji semula sama ada perlu ataupun tidak rumah kos rendah ini hendak menentukan orang yang berpatutan,

yang kita hendak bela ini diberi pembelaan, satu undang-undang kena diadakan. Dia hendak jual kepada Kerajaan boleh ataupun hendak jual kepada orang luar pun boleh - 100% tax. Jadi, dia tidak boleh juallah. Kalau dia jual RM50.000 hendak bayar tax 100%, habislah, 'back to square one'.

Jadi, makna kata, dasar yang kita buat ini dapat kita peliharakan. Dapatlah kita lihat orang-orang yang berpendapatan RM500-RM700 ke bawah ini yang tidak mampu beli kondominium. atau rumah kos sederhana sebanyak RM70,000-RM80,000 itu dapat dibela. Dan kita tidak mahu kata dia tidak boleh jual, kita beri dia. Kalau dia sudah kaya lebih dalam 3-4 tahun, serah balik kepada Kerajaan dengan harga RM25,000 ataupun dengan dia buat sedikit-sebanyak pindaan ke atas rumah itu, buat grillingkah, okay, dalam RM2,000-RM3,000 lebih. Tetapi kena jual balik kepada Kerajaan dan Kerajaan agih balik kepada orang-orang yang berpendapatan rendah. Kerana beberapa peratus daripada orang-orang ini dalam masa yang tertentu dia akan meningkat, dia akan dapat peluang-peluang tertentu, mungkin dia dapat melanjutkan pelajaran ke universiti dan peluang-peluang perniagaan yang lain dan kica tidak boleh sekat dia untuk hendak hidup lebih baik, lebih selesa atau keluarga yang ramai sudah pun meningkat 6-7 orang, takkan hendak duduk dalam flat dua bilik.

Tetapi dasar yang kita buat ini hendak tolong orang-orang miskin, kerana kita beri peruntukan banyak sangat, subsidi itu dan subsidi ini. Kesudahannya, kalau tidak ada satu undang-undang yang boleh menyekat, maka dasar yang kita buat ini hendak tolong orang miskin akan gagal. Oleh yang demikian, saya minta Kementerian

Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini selaraskan dan semua Kerajaan Tempatan ini mendapatkan satu dasar dan undang-undang untuk bincang semula dalam soal rumah kos rendah **ini**.

Jadi, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa tentu ramai ahli-ahli yang hendak berucap dan saya pun tidak mahulah bercakap panjang. Jadi terima kasih sekali lagi dan saya menyokong Rang Undang-undang perbekalan 1994. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Janggu Anak Banyang.

5.47 ptg.

Tuan Janggu Anak Banyang: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini menyokong dasar Belanjawan 1994 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini yang sesuai diterima oleh rakyat di seluruh Malaysia ini. Dengan ini juga saya mengambil kesempatan mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Dewan Undangan Negeri Sarawak yang telah memilih saya sebagai Ahli Dewan Negara yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merujuk kembali Wawasan 2020 kita di mana menjelang Tahun 2020 negara kita Malaysia akan menjadi sebuah negara yang maju dengan mempunyai masyarakat yang bersatu padu yang diserapkan dengan etika dan moral yang kuat dalam masyarakat demokratik, liberal, toleransi, penyayang, progresif dan kedudukan ekonomi yang stabil, dinamik dan kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya Wawasan 2020 telah memberi cabaran kepada kita terutama sekali masyarakat bumiputera yang tinggal di luar bandar yang telah ketinggalan ke belakang untuk menyahut dan mencapai wawasan tersebut. Keadaan sekarang memerlukan penilaian dan pengubahsuaian bukan sekadar masa sekarang, malah untuk masa hadapan. Ianya juga menghendaki perancangan dan penggunaan hasil-hasil untuk kebaikan kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan di luar bandar sama ada di Sarawak, Sabah mahupun di Semenanjung Malaysia adalah menyedihkan. Masyarakat luar bandar yang hampir kesemuanya bumiputera sepatutnya diberi perhatian yang sewajarnya. Walaupun sambutan mereka mungkin agak lembab jika dibandingkan dengan masyarakat lain yang lebih maju dan agresif, kemungkinan kita tidak memperolehi kejayaan jikalau Kerajaan Persekutuan tidak mengambil langkah yang sewajarnya untuk merancang strategi yang berkesan untuk mengendalikannya. Jikalau tidak menjalankan semua usaha tersebut, saya percaya Wawasan 2020 akan hanya jadi impian.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak perkara yang tidak dapat diusahakan dan dipertimbangkan, perkara-perkara yang harus diberi perhatian yang serius adalah dalam bidang pembangunan pertanian, pendidikan, latihan, sosial, kesihatan, kemudahan awam dan penyertaan bumiputera dalam perniagaan.

Kepada masyarakat bumiputera luar bandar kejayaan sosio-ekonomi dan Wawasan 2020 adalah bergantung kepada kemudahan pendidikan dan kemahiran tenaga kerja. Untuk itu pendidikan dan program-program latihan haruslah dipergiatkan dan diperbaiki kerana ianya bukan sahaja untuk melengkapkan masyarakat dengan nilai etika dan moral, malah ianya untuk memberi sumbangan yang besar terhadap objektif dasar pembangunan negara khasnya untuk menghapuskan kemiskinan dan mengubah sikap masyarakat.

Mengenai kemiskinan rakyat Sarawak, terlebih dahulu saya mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengkaji semula kadar kemiskinan penduduk Sarawak yang berjumlah 10,000 yang termiskin. Saya juga berharap Kementerian yang berkenaan mendaftarkan semula golongan termiskin di luar bandar terutama sekali di negeri Sarawak. Kalau hanya setakat 10,000 mungkin itu tidak cukup, saya harap Kementerian yang berkenaan dapat meneliti dengan lebih mendalam.

Di kawasan pedalaman Batang Rajang di Sarawak seperti juga di

tempat-tempat yang lain di Malaysia, kejayaan pelajar-pelajar dalam pelajaran adalah sangat diharapkan. Kebanyakan mereka telah ketinggalan dalam mata pelajaran Matematik, Fizik, Kimia, Biologi dan bidang-bidang sains yang lain. Tanpa usaha-usaha yang mantap untuk membangunkan pemikiran pelajar luar bandar dalam mata pelajaran tersebut sejak prasekolah lagi, maka mereka akan tetap kekal ketinggalan di masa-masa akan datang. Oleh itu saya harap Kerajaan Pusat akan mengkaji semula dasar-dasar pendidikan.

Pendidikan prasekolah seharusnya dikembangkan ke luar bandar. Tindakan segera harus dibuat untuk melengkapkan sekolah-sekolah berasrama dan sekolah vokasional untuk menempatkan pelajar-pelajar yang tidak mendapat tempat di sekolah-sekolah di bandar. Di samping itu, penyelidikan patut dijalankan untuk menentukan komitmen dan tanggungjawab guru-guru terbadap kerja dan tujuan mereka.

Di kawasan luar bandar keadaan sekeliling memainkan peranan penting. Kerajaan seharusnya memberi kemudahan yang sewajarnya kepada kebaikan guru-guru dan memberi kemudahan perumahan, pengangkutan, kemudahan rekreasi dan insentif berbentuk elaun. Sekolah-sekolah tersebut sepatutnya dilengkapi dengan alat pendidikan yang terkini dan bahan-bahan bacaan yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita ketahui Lembah Sungai Rajang di Sarawak masih mempunyai hasil kekayaan yang masih belum diterokai iaitu tanah. Pada masa sekarang tidak dapat sebarang pembangunan tanah diusahakan di kawasan ini, satu-satu kegiatan

sosio ekonomi adalah pembalakan dan pengutipan hasil-hasil hutan di mana penduduk setempat mengambil bahagian secara langsung atau sebaliknya.

Saya berharap Kerajaan Persekutuan ataupun mana-mana perbadanan yang berkaitan sepatutnya memperluaskan pembangunan di kawasan Lembah Sungai Rajang. Salah satu cara yang patut dijalankan ialah Rancangan Pembangunan Tanah Bersepadu (IADP) yang telah dibentuk untuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas seperti perparitan, kawalan banjir, jalan raya dan sebagainya. Bagi kawasan Lembah Sungai Rajang kemudahan tersebut akan memberi lebih banyak kegunaan dan produktiviti untuk kawasan berbukit-bukau seperti ini.

Satu lagi rancangan yang patut diberi perhatian adalah perluasan program pemulihan dan penyatuan seperti yang diusahakan oleh FELCRA, SELCRA dan SDA di Sarawak. Di samping semua ini saya harap Kerajaan Persekutuan dan pihak yang berkaitan memberi insentif kepada pihak swasta untuk melabur di Sarawak terutama di kawasan Lembah Sungai Rajang yang di bawah konsep baru pembangunan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1970-an di bawah Rancangan Malaysia Kedua, semasa pentadbiran Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak dahulu satu cadangan telah dibuat untuk membangunkan kawasan tiga segi, Kapit, Tatau, Balingian di Lembah Sungai Rajang.

Saya berpendapat adalah amat sesuai bagi pihak Kerajaan Persekutuan untuk melihat kembali atau re-look, dengan izin,

cadangan tersebut sebagai ganti pengurangan industri pembalak. Di samping itu dengan pelaksanaan cadangan-cadangan Projek Hidro Bakun di Belaga, Sarawak, kawasan ini mungkin menjadi pusat pemulihan dan penyatuan kepada mereka yang terlibat dan kalau dilaksanakan lebih awal, lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pelaksanaan pembangunan pertanian bagi kawasan ini bukan sahaja membawa penduduk setempat untuk bekerjasama rapat dalam pembangunan ekonomi dan perhubungan baik dengan Kerajaan, malah ianya membuka bahagian tengah Sarawak, membuat ianya sebagai pusat perubungannya di antara Bintulu dan Tanjung Manis iaitu dua buah kawasan perindustrian terkemuka di negara ini. Ianya juga akan membantu pertumbuhan di sektor pertanian yang sememangnya begitu penting bagi penduduk luar bandar, sesuai dengan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan dan mengubahkannya pertalian dengan sektor-sektor lain di bidang ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan telah memberi peruntukan lebih kurang RM1,770 juta untuk program pembangunan sosial. Pada pendapat saya penduduk di Lembah Sungai Rajang sepatutnya diberi bahagian saksama dalam peruntukan tersebut untuk pembangunan masyarakat di kawasan ini. Pembangunan sosial adalah merupakan bahagian penting dalam keseluruhan pembangunan, sosio ekonomi sebuah negara dan akan memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan masyarakat yang penyayang. Oleh

yang demikian, sebahagian daripada Program Khas Rancangan Rumah Murah yang dicadangkan iaitu sebanyak iaitu 433,800 buah dalam Rancangan Malaysia Keenam harus diperluaskan ke Sarawak khususnya di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kesihatan adalah salah satu bahagian penting dalam pembangunan sosio ekonomi di mana dengan menjaga kesihatan sudah tentu akan melahirkan pekerja-pekerja yang produktif. Banyak kawasan luar bandar sekarang ini masih mempunyai klinik daerah yang kecil, tanpa dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang diperlukan.

Saya ingin mencadangkan supaya lebih banyak hospital-hospital daerah harus dibina dan untuk kemudahan penduduk-penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan luar bandar telah diabaikan daripada menikmati kemudahan-kemudahan seperti perkhidmatan pos dan telefon. Kita mesti menyedari bahawa dengan adanya perkhidmatan pos ke luar bandar akan membuka peluang kepada bumiputera luar bandar. Contohnya untuk pergi ke pekan seseorang penduduk luar bandar terpaksa berbelanja besar untuk tambang dan juga memakan masa yang agak lama. Oleh itu, penduduk-penduduk luar bandar tidak berpeluang untuk menyertai dan melabur dalam Skim ASN, ASB dan juga ASA. Dengan terdapatnya perkhidmatan pos dan telefon akan memudahkan perhubungan dengan kadar yang berpatutan. Ini sudah tentu akan memberi kesenangan kepada penduduk luar bandar.

Saya juga ingin mencadangkan perluasan perkhidmatan pos ke luar bandar diserapkan ke dalam perkhidmatan perubatan dan kesihatan luar bandar agar ianya mungkin dapat mengurangkan kos dan tenaga kerja.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin meninjau perkara yang tidak kurang pentingnya iaitu penyertaan aktif bumiputera dalam perniagaan. Saya percaya, kaum bumiputera masih memerlukan bantuan agensi Kerajaan dalam bidang perniagaan.

Dengan tertinggalnya kita dalam perniagaan, saya merayu kepada Kerajaan Pusat supaya mencari jalan untuk melibatkan bumiputera dalam perniagaan dan melaksanakan bumiputera business fraternity, dengan izin, seperti terdapat dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya perkara-perkara yang disebutkan tadi patutlah diberi pertimbangan yang serius oleh Kerajaan Pusat dengan objektif membentuk Malaysia menjadi negara perindustrian. Kita sesungguhnya mahu melihat dan menyertai Kerajaan untuk menjayakan Wawasan 2020. Oleh yang demikian, saya sekali lagi merayu agar jalan Borneo Highway yang berada di negeri Sarawak itu, saya minta Kementerian Kerja Raya untuk membina jambatan bagi menyeberangi Sungai Rajang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Tiong Thai King.

6.01 ptg.

Tuan Tiong Thai King: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana diberi peluang untuk membahas Belanjawan 1994 yang membuat peruntukan bagi mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak RM22.76 bilion supaya diperuntukkan bagi Maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

Tuan Yang di-Pertua, kita mendapat tahu walaupun negara industri membangun di Barat dan di Timur sedang terjebak dengan perubahan politik, ekonomi dan sosial, ekonomi negara kita terus mencatatkan kadar pertumbuhan yang kukuh dan semakin mengukuhkan ketahanan. Oleh kerana usaha Kerajaan yang gigih dan pelaksanaan beberapa tindakan yang tegas dan berani dalam bidang ekonomi,

maka ekonomi negara telah berkembang pada kadar 8% hingga 9% berturut-turut. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kita telah memaklumkan dalam ucapan Belanjawan 1994 beliau seperti berikut:

"Bahawa kita telah berjaya menghasilkan Belanjawan berimbang buat pertama kali dalam sejarah negara. Kita harus merasa bangga dengan prestasi cermerlang **ini**."

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian, pemimpin-pemimpin negara pun tahu bahawa di hadapan kita masih banyak permasalahan yang rumit dan cabaran yang akan kita hadapi dan menangani untuk merangsangkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, pendekatan daya tahan ekonomi dalam menangani prospek ekonomi dunia yang muram serta menjamin kesaksamaan dalam menikmati kemakmuran negara.

Tuan Yang di-pertua, selain dari terus melaksanakan dasar kewangan yang ketat dan dasar fiskal yang berhemat, Kerajaan harus mampu menggembleng penyertaan segenap lapisan rakyat dalam bidang ekonomi dan aktiviti sosial serta budaya untuk mencapai Wawasan 2020 dan mewujudkan satu masyarakat seimbang dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah perhatikan bahawa dari jumlah wang yang dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan **itu**, Kementerian Pendidikan telah disediakan peruntukan Mengurus sebanyak RM7.715 bilion dan dalam peruntukan Pembangunan sebanyak RM1.287 bilion. Jumlah wang yang diperuntukkan untuk Kementerian Pendidikan bagi tahun 1994 seperti juga bagi tahun lalu adalah peruntukan terbesar berbanding dengan peruntukan untuk perkhidmatan-perkhidmatan lain. Dari **itu**, kita tahu bahawa Kerajaan kita telah

lebih mengutamakan pendidikan warganegara muda kita serta pembangunan dan penyediaan tenaga manusia bagi mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal pendidikan **ini**, telah banyak saya utarakan dalam Dewan yang mulia ini pada tahun lalu. Kali ini yang saya hendak kemukakan ialah pendekatan penguasaan bahasa Mandarin selain Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris. Saya hendak menarik perhatian Dewan ini kepada kekurangan guru-guru bahasa Mandarin di Sekolah-sekolah Rendah Cina. Saya mendapat tahu, di Bahagian Sibu, Sarawak, umpamanya, didapati kekurangan 44 orang guru bahasa Mandarin kerana Kementerian Pendidikan belum dapat menyediakan cukup bilangan guru jenis **ini**. Maka guru-guru yang tidak memahami bahasa Mandarin dihantar ke Sekolah-sekolah Rendah Cina sebagai pergantian dan ini juga menjadi amalan biasa Jabatan Pendidikan. Jikalau Kementerian tidak mengambil langkah membetulkan keadaan **ini**, lagi banyak mutu bahasa Mandarin akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang diketahui, ekonomi di kawasan Asia Pasifik sedang berkembang dengan pesat dan besar. Pertumbuhan ekonomi dunia akan berpindah ke kawasan ini maka kerana itulah penggunaan dan penguasaan bahasa Mandarin semakin menjadi perlu bagi merangsangkan perdagangan kita dengan luar dan terus memesatkan pertumbuhan ekonomi negara. Pemimpin-pemimpin negara telah mengetahui hal itu, maka pegawai-pegawai berkenaan harus merangka dan mengambil langkah yang konkrit untuk meningkatkan mutu bahasa Mandarin, meluaskan penggunaannya dan meningkatkan penguasaannya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan pun disediakan peruntukan sejumlah RM34.8 juta untuk Pembinaan Insan, Latihan Kemahiran dan Keusahawanan serta sokongan terhadap peruntukan Belia. Langkah ini sangat dialu-alukan. Saya berharap agar Kementerian dapat menjalankan latihan kemahiran dan keusahawanan bagi belia dan wanita di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita kita mengetahui bahawa dalam Belanjawan ini strategi pelbagaian akan terus diamalkan untuk merangsangkan pertumbuhan ekonomi. Tetapi saya berharap, selain dari terus memberangsangkan pertumbuhan ekonomi dan mengukuhkan kedudukan kewangan, Kerajaan akan terus berusaha supaya faedah pertumbuhan ekonomi benar-benar meresapi ke segenap pelusuk negara supaya pendapatan per kapita terus meningkat, kadar kemiskinan dan pengangguran berkurangan dan mutu kehidupan rakyat bertambah baik setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak juga menyentuh tentang Maksud B.44 - Kementerian Penerangan dan Maksud B.49 - Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos yang diperuntukkan sebanyak RM312 juta untuk perkhidmatan kedua-dua Kementerian bagi tahun 1994.

Sepertimana yang diketahui, Kementerian Penerangan adalah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan perkhidmatan penerangan awam dan penyiaran. Dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dipertanggungjawabkan untuk menyediakan perkhidmatan telekomunikasi.

Dunia kini sedang terdedah dengan revolusi teknologi dan ledakan maklumat seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim akan memberi impak ke atas perkembangan politik, ekonomi dan sosial dunia dalam menyongsong abad ke 21.

Dalam strategi Belanjawan 1994, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan telah menggariskan sebagai salah satu strategi Belanjawan iaitu menggilap ketrampilan dan menguasai teknologi. Bagi meningkatkan ketrampilan dan penguasaan teknologi, kita harus mengubah dan mengambil pendekatan baru, iaitu selain melakukan reformasi, pendidikan tinggi, program pembangunan sumber manusia dan lain-lain seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, kita perlu membina tradisi penataran ilmu, berusaha

meluaskan ufuk pengetahuan manusia dalam segala bidang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan **ini**, rakyat Malaysia harus diberi peluang atau kemudahan untuk mengetahui maklumat-maklumat terkini melalui penyiaran radio dan televisyen kita dan juga melalui penggunaan radas radio komunikasi atau antenna parabolic.

Tuan Yang di-Pertua, ketika saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Telekomunikasi 1992 tahun lalu, saya pun mengusulkan supaya rakyat tidak dibenarkan memasang dan menggunakan radas radio komunikasi untuk mendapat berita dan maklumat termasuk pengetahuan ilmiah dan teknologi terkini dan canggih. Mengetahui adat resam dan budaya rakyat berbagai negeri asing, serta menonton program hiburan dari mana-mana negara. Apa lagi seperti kata Dato' Seri Anwar dunia kita sedang dilanda taufan perubahan. Maka sangat perlulah kita mendapat berita baik perkembangan politik atau perubahan ekonomi yang tidak menentu itu secepat yang boleh, supaya kita boleh dengan segera mengambil langkah-langkah mengatasi segala kesulitan yang akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi kita.

Dan lagi luas kawasan negeri Sarawak sangat besar, hampir sama dengan luas kawasan Semenanjung, kerana itulah siaran radio dan televisyen susah diterima di berbagai tempat. Maka saya berharap agar Kerajaan boleh mengambil sikap yang lebih sederhana atau lembut tentang permohonan menggunakan antenna parabolic oleh rakyat Sarawak.

Oleh sebab-sebab tersebut di ataslah, saya mengesyorkan lagi agar rakyat kita dibenarkan memasang dan menggunakan antenna parabolic dengan dilesen.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit tentang industri petroleum. Semua orang menganggap bahawa industri petroleum adalah satu pelaburan yang menguntungkan, memandangkan kepada perubahan beberapa faktor yang menjejaskan margin untung syarikat petroleum atau peneroka petroleum, maka Kerajaan sekarang mencadangkan supaya kadar duti eksport ke atas petroleum mentah dikurangkan daripada 25% kepada 20% mulai 1hb Januari 1995.

Saya bersetuju jikalau langkah ini boleh mendorong perkembangan industri petroleum dan seterusnya mendapatkan hasil Kerajaan pada masa hadapan.

Sehubungan dengan ini, saya ingin membangkitkan lagi soal 5% royalti petroleum yang dibayar kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Masalah ini telah saya sentuhkan juga dalam perbahasan Rang Undang-undang Petroleum tahun lalu di Dewan yang mulia ini. Saya menyeru agar kadar royalti petroleum dinaikkan kepada 10% daripada 5%. Kerajaan Negeri Sarawak sedang mengikuti Wawasan 2020 anjuran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan mengambil langkah-langkah menyediakan segala kemudahan-kemudahan infrastruktur dan berusaha sedaya upaya mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negeri dan kemajuan

masyarakat. Kerana itulah peruntukan untuk pembangunan akan bertambah setiap tahun. Maka dengan peningkatan pendapatan negeri, khasnya dari royalti petroleum, Kerajaan Negeri Sarawak boleh maju bersama-sama dengan negeri-negeri lain dan mencapai matlamat Wawasan 2020 seperti yang kita harapkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekian ucapan saya, saya mengucapkan sokongan kepada Rang Undang-undang Belanjawan 1994. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Nampaknya ramai yang hendak berucap, walau macam manapun Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat berucap pada hari ini, kita beri peluang berucap besok. Kita beri kepada orang baru, Puan Kelsom binti Yaacob, silakan.

6.18ptg.

Puan Kelsom binti Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian di dalam membahaskan Akta Perbekalan 1994 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Dewan Undangan Negeri Pahang di atas perlantikan saya sebagai Ahli Dewan Negara.

Di sini juga saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana

Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Haji Mohd. Khalil bin Ya'akob, Menteri Besar Negeri Pahang Darul Makmur, Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz dan Yang Berhormat Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, selaku Ketua Pergerakan Wanita UMNO Negeri Pahang. Insyallah, saya akan menjalankan tanggungjawab demi untuk kepentingan agama, bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri, yang juga Menteri Kewangan Malaysia kerana telah membentangkan Akta Perbekalan 1994 yang mengkagumkan dan akan banyak memberikan faedah kepada rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Belanjawan 1994 **ini**, saya ingin menyentuh tentang Program Perumahan Awam. Saya mengalu-alukan usaha Kerajaan meneruskan pembinaan rumah kos rendah, termasuklah di kawasan-kawasan luar bandar. Apa yang dapat kita lihat sekarang, pembinaan rumah-rumah ini tidak begitu selesa keadaannya, dengan hanya mempunyai dua bilik tidur, satu ruang tamu dan ruang makan yang agak sempit. Sedangkan rumah yang agak sesuai bagi satu keluarga mempunyai sekurang-kurangnya tiga bilik tidur; satu bilik untuk ibu bapa, satu bilik untuk anak lelaki dan satu bilik lagi untuk anak perempuan. Oleh **itu**, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya rumah kos rendah ini dinaikkan taraf daripada yang ada sekarang kepada yang lebih selesa dan sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin juga saya menyentuh tentang pembasmian kemiskinan. Saya bangga dengan tumpuan pembasmian kefakiran di bawah program PPRT, iaitu bantuan perumahan dan juga skim khas ASB. Apa yang ingin saya sebutkan di sini ialah takrif kemiskinan yang diiktiraf oleh Kerajaan pada hari ini ialah yang berpendapatan tidak lebih daripada RM175 sebulan. Bagaimanakah dengan satu keluarga yang mempunyai tanggungan yang ramai? Kedaifannya begitu ketara, sedangkan pendapatannya ialah di antara RM200 ke RM250 sebulan. Oleh **itu**, saya ingin mencadangkan supaya dinaikkan daripada RM175 kepada yang berpendapatan tidak lebih daripada RM250 sebulan diiktiraf sebagai keluarga termiskin.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga merayu supaya lebih raya Karak ke Kuantan disegerakan pembinaannya. Dengan pembinaan lebih raya ini, dapatlah menyelesaikan masalah pengguna-pengguna di jalan

raya tersebut, terutama pengguna jalan raya dari Pantai Timur Semenanjung Malaysia dengan Kuala Lumpur. Sebagaimana kita tahu sekarang musim tengkujuh, negeri Pahang telah dilanda banjir. Banyak jalan-jalan telah terputus, ramai pengguna jalan raya ini terganggu perjalanannya. Kalau dahulunya boleh menggunakan jalan dari Kuala Lipis-Gua Musang, tetapi jalan ini juga tidak boleh digunakan akibat tanah runtuh.

Dari itu, saya ingin menyokong Akta Perbekalan 1994 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim. Sekianlah ucapan pertama dari saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Rosalind.

6.25ptg.

Puan Rosalind Yau Shuk Meng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebagai pembuka tirai dalam perbahasan Belanjawan 1994, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan dengan penuh teliti dan begitu padat sekali.

Saya tertarik untuk membahaskan perkara pertama ucapan Yang Amat Berhormat Menteri atas tajuk mukaddimah atau bermaksud 'kata pendahuluan'. Memang benar perubahan yang dilakukan oleh Kerajaan sungguh berhasil, terutamanya bidang ekonomi. Pertama kali dalam sejarah negara, Belanjawan berimbang dihasilkan. Ini memang idaman semua negara - syabas kepada Kerajaan. Hasilnya pertumbuhan ekonomi membuat daya-tahan ekonomi meningkat, kesaksamaan dan kemakmuran negara terjamin, muafakat, meningkat, produktiviti, kecekapan dan daya-saing ekonomi negara menjadi nyata. Buktinya bilangan bumi-putera yang berjaya dalam bidang perniagaan dan korporat yang di-

perjuangkan meningkat, dan bilangan bukan bumiputera berjaya terus berkembang dan bertambah. Seimbangnyanya keadaan ini memang menjadi idaman kita bersama. Pelaburan luar terus minat dan bilangan terus bertambah. Peluang pekerjaan bertambah. Pengangguran bukan satu masalah lagi. Pendapatan negara meningkat. Pembangunan menjadi pesat. Seharusnya rakyat Malaysia menjadi bangga dan bersyukur. Ditambah lagi kelantangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersuara di peringkat dunia antarabangsa telah meningkatkan imej Malaysia di mata dunia. Ini lambang kematangan berfikir Malaysia terhadap isu-isu kemanusiaan.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, yang lebih afdal dalam pertimbangan kita ialah perubahan sikap dan nilai untuk meningkatkan darjat dan martabat bangsa. Untuk tujuan ini, dalam mengejar kekayaan material dan kemajuan pembangunan fizikal, sikap yang murni serta nilai moral yang tinggi sangat penting dipupuk dan dibentuk. Jangan nanti yang berjaya dalam perniagaan tidak dapat tidur malam memikirkan cara salah peruntukan yang diperolehi; cara tipu, rasuah dan lain-lain cara yang salah. Yang berpangkat dan ada kedudukan menjadi angkuh, salah-guna kuasa untuk cepat kaya, sikap tidak ingin timba ilmu terus kekal sebab boleh jadi kaya juga tanpa ilmu, hanya dengan cara tidak bermoral.

Begitu juga jangan nanti dalam pembangunan yang pesat dan berkembang maju, kesan negatif terhadap rakyat juga berkembang. Apa gunanya pembangunan kalau tragedi terus berlaku - tangki air terus pecah, bangunan terus runtuh satu persatu, jabatan dan jalan raya

terus runtuh, jenayah semakin meningkat, lebih ramai orang yang terperangkap dalam lif [Ketawa] yang tidak terurus, keruntuhan moral di kalangan belia menjadi-jadi, gadis-gadis terus hilang, kanak-kanak lebih ramai didera, anak-anak haram lebih ramai masuk tong sampah, penagih dadah berlipat ganda bilangannya, jangkitan AIDS, alam dan kemusnahan alam semulajadi oleh dorongan pembangunan material dan kekayaan. Ini semua dimungkinkan oleh sikap buruk yang tidak dibaiki dan nilai murni yang tidak dipupuk. Jika tidak di-seimbangkan pembangunan kebendaan dengan pembangunan nilai moral dan sikap yang baik akan membuatkan pembangunan negara itu tidak bermakna. Dengan gejala buruk menimpa rakyat, negara tidak akan mencapai hasrat menjadi negara maju. Malah gejala-gejala buruk tersebut akan sendirinya membawa runtuh dan kemusnahan.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, memandang ke hadapan menuju Wawasan 2020, Kerajaan hendaklah merancang rapi dan memandang serius usaha meningkatkan darjat dan martabat bangsa usaha mendidik dan membimbing mestilah ditingkatkan. Dengan berbagai cara, undang-undang digubal bagi rnebanteras dan membasmi dengan.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Rosalind, saya ingat boleh sambung esoklah.

Puan Rosalind Yau Shuk Meng: Okay, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau sambung esok mungkin lebih afdal lagi. [Ketawa]

Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.